

DARIPADA Abu Ayub Al-Ansari Radiallahuanhu.
Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda.
Maksudnya : "Barang siapa yang berpuasa ada bulan
Ramadan, kemudian diikuti dengan Puasa Enam hari pada
bulan Syawal, seolah-olah dia berpuasa sepanjang tahun".

(Hadis Riwayat Imam Muslim)

WAKTU SEMBAHYANG | IMSAK 4.48 SUBUH 4.58 SYURUK 6.16 DUHA 6.39 ZUHUR 12.23 ASAR 3.28 MAGHRIB 6.28 ISYAK 7.38 Daerah Belait ditambah 3 minit
Daerah Tutong ditambah 1 minit

TAHUN 69 BILANGAN 43 | 8 APRIL 2024 / 1445 رمضان 28 | JABATAN PENERANGAN | EDISI ISNIN PERCUMA

"Ya Allah, Ya Tuhan kami,
kiranya kami ini sudah
terlanjur mengukuri
nikmat-Mu dengan
Engkau tidak redai, maka
Engkau ampunkanlah kami dan
kasihanilah kami dengan
menarik balik wabak
koronavirus daripada negara
kami. Ya Allah mohon supaya
Engkau bersihkan negara kami
ini daripada wabak
sebersih-bersihnya. Amin.
Wahabunallahu
Wani'malwakeel, Walahaula
Walaa Gouwata Illa Billahil
'Aliyyl 'Azeem. Walhamdu
Lillahi Rabbil 'Aalameen.

- Titah Perutusan Khas
Kebawah Duli Yang Maha Mulia
Paduka Seri Baginda Sultan
dan Yang Di-Pertuan
Negara Brunei Darussalam
pada Selasa, 9 Muharam 1443 Hijrah
bersamaan 17 Ogos 2021 Masihi
di Istana Nurul Iman.

KHATAM AL-QURAN AKHIRI MAJLIS TADARUS AL-QURAN



YANG Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama semasa menghadiri Majlis Penutup Tadarus Al-Quran bagi Masjid, Surau dan Balai Ibadat Seluruh Negara bersempena bulan Ramadan Tahun 1445 / 2024 di Masjid Omar 'Ali Saifuddin di ibu negara. - Foto : Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid (Lihat muka 4).

Program Ihsan YSHHB ringankan beban golongan memerlukan

Oleh : Nooratini Haji Abas

MUKIM LUMAPAS, Sabtu, 6 April. - Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (YSHHB) sebagai wadah amal jariah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan ahli kerabat baginda sentiasa memberikan pemedulian terhadap kebajikan dan kesejahteraan rakyat dan penduduk di Negara Brunei Darussalam.

Sehubungan itu, YSHHB pagi tadi menyampaikan sumbangan kewangan dengan jumlah keseluruhan sebanyak BND138,800 di samping sumbangan berbentuk makanan asasi serta kuih-muih dan minuman ringan kepada sebanyak 150 buah keluarga yang terdiri daripada warga emas dan golongan yang memerlukan bantuan di seluruh negara melalui Program Ihsan YSHHB sempena bulan Ramadan 1445H bersamaan 2024M.

>> Muka 5

Kesihatan hak asasi setiap individu

Oleh : Muhammad Zulkamal Awang Haji Kamis

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 7 April. - Hari Kesihatan Sedunia disambut setiap tahun pada 7 April dengan tema yang berbeza-beza. Pada tahun ini, tema Sambutan Hari Kesihatan Sedunia 2024 ialah 'Kesihatan Saya, Hak Saya (My Health, My Right)'.

Tema ini memfokuskan kepada isu ancaman terhadap kesihatan yang dialami oleh berjuta penduduk di seluruh dunia pada masa ini yang memberi impak negatif terhadap kesihatan.

>> Muka 8



Berita Utama



10 terima sijil Kursus Asas
Pemandu Pelancong

Muka 10



RAIH keberkatan, tingkatkan
amalan di bulan Ramadan

Muka 13



PPNBD hulur sumbangan derma

Muka 19



RENCANA

KESIHATAN teras kehidupan
berkualiti

Muka 21

Perkukuh kerjasama, kedayatahanan ekonomi serantau

Siaran Akhbar : Kementerian
Kewangan dan Ekonomi

REPUBLIK DEMOKRATIK RAKYAT LAO, Sabtu, 6 April. - Timbalan Menteri Kewangan dan Ekonomi (Fiskal) di Kementerian Kewangan dan Ekonomi, Yang Mulia Pengiran Datin Seri Paduka Hajah Zety Sufina binti Pengiran Dato Paduka Haji Sani, telah menghadiri Mesyuarat ASEAN Finance Ministers' and Central Bank Governors' Meeting (AFMGM) Ke-11 dan Mesyuarat-Mesyuarat Berkaitan yang telah diadakan di Luang Prabang, Republik Demokratik Rakyat Lao.

Mesyuarat-mesyuarat tersebut juga telah dihadiri oleh Pengarah Urusan Brunei Darussalam Central Bank (BDCB), Dayang Hajah Rokiah binti Haji Badar.

Mesyuarat-mesyuarat tersebut telah bermula dengan sesi dialog di antara Menteri-menteri Kewangan dan wakil-wakil serta Gabenor-Gabenur Bank Pusat ASEAN bersama dengan ASEAN Business Advisory Council, European Union - ASEAN Business Council dan United States - ASEAN Business Council bagi membincangkan peluang kerjasama di antara pihak Kerajaan dan swasta dalam mengekalkan pertumbuhan jangka panjang ASEAN dan pembangunan mampan dalam bidang kerjasama seperti 'green', 'blended' dan 'transition financing', ekonomi digital, Fintech dan perdagangan haram.

>> Muka 9

Komitmen bersama bukti tanda cinta, taat setia kepada raja



MENTERI Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Ahmaddin bin Haji Abdul Rahman selaku Pengerusi Bersama Jawatankuasa Kebangsaan Sambutan Perayaan Ulang Tahun Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Yang Ke-78 bagi Tahun 2024 semasa menyampaikan mukadimah alu-aluan pada Mesyuarat Pertama Jawatankuasa Kebangsaan Sambutan Perayaan Ulang Tahun Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Yang Ke-78 Tahun bagi Tahun 2024, pada Khamis, 24 Ramadan 1445H bersamaan 4 April 2024M bertempat di Dewan Serbaguna, Tingkat 6, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, Jalan James Pearce, Bandar Seri Begawan.

Bismillaahir Rahmaanir Raheem, Alhamdulillah Rabbil 'Alameen, Wabihiee Nasta'eenu 'Alaa Umuuriddunya Wadden, Wassalaatu' Wassalaamu 'Ala Asyrafil Mursaleen, Sayyidina Muhammaddin, Wa'alaa Aalihee Wasahbihee

Ajma'een, Waba'du. Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh

ALHAMDULILLAH, bersyukur kita ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan izin-Nya jua kita dapat bersama-sama hadir ke Mesyuarat Pertama Jawatankuasa Kebangsaan Sambutan Perayaan Ulang Tahun Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Yang Ke-78 bagi Tahun 2024 di dalam bulan Ramadan yang Mubarak dan penuh dengan keberkatan ini.

Peramba, kaola, saya sukacita menyembahkan setinggi-tinggi menjunjung kasih di atas kurnia titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanul Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam terhadap sokongan-sokongan bagi pelantikan Pengerusi-pengerusi Bersama, Timbalan-timbalan Pengerusi Bersama Jawatankuasa Kebangsaan serta Jawatankuasa Pandu kepada Jawatankuasa Kerja Sambutan Perayaan Ulang Tahun Keputeraan Baginda yang Ke-78 Tahun.

Di kesempatan ini, peramba, kaola, saya juga ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan, junjung kasih dan terima kasih kepada semua Ahli Jawatankuasa Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Yang Ke-77 Tahun, tahun lepas, 2023 yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam sama-sama menyemarakkan acara Sambutan Hari Keputeraan baginda.

Adalah tidak dinafikan bahawa penglibatan seluruh rakyat dan penduduk di negara turut memeriahkan lagi Sambutan-sambutan Perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan

Negara Brunei Darussalam, dan ini jelas mencerminkan rakyat dan penduduk di negara ini hidup bersama secara harmoni tanpa mengira latar belakang bangsa dan agama. Tidak lupa jua penglibatan golongan generasi muda termasuk penuntut-penuntut sekolah merupakan lambang pengukuhan jati diri dan semangat kebangsaan yang menjadi teras kemajuan dan pembangunan Negara Brunei Darussalam (NBD) pada masa ini dan juga masa akan datang.

Komitmen seumpama ini membuktikan tanda cinta dan taat setia kita yang tidak berbelah bahagi ke hadapan majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam selaku raja dan pemimpin tertinggi NBD yang sentiasa mengasahi, memeduli dan prihatin terhadap kesejahteraan hidup rakyat dan penduduk di negara ini. Begitu juga sebaliknya, berkat daulat kepimpinan yang bijaksana baginda dan raja yang masyhur dan berjiwa rakyat telah menzahirkan perasaan cinta dan ketaatsetiaan yang tinggi di kalangan rakyat dan penduduk yang nyata apabila bersua muka dengan raja yang dikasihi walaupun dalam peluang yang seketika sewaktu acara-acara Majlis Ramah Mesra Bersama Rakyat di keempat-empat daerah.

Alhamdulillah, pada tahun ini satu Jawatankuasa Kerja yang baharu telah dibentuk iaitu Jawatankuasa Kerja Pemilihan Calon-calun di Meja Utama Santap di setiap daerah. Keahlian Jawatankuasa ini terdiri daripada Setiausaha-setiausaha Tetap dan Timbalan-timbalan Setiausaha Tetap dari kementerian-kementerian yang berkenaan. Ianya dihasratkan dapat menyumbangkan buah fikiran dan membantu mengenal pasti calon-calon dari pelbagai bidang dan sektor yang telah diiktiraf sebagai 'terbaik' ataupun pemenang-pemenang anugerah tempatan mahupun antarabangsa yang dapat dijadikan kebanggaan negara.

Peramba, kaola, saya menjunjung kasih di atas keberangkatan Yang Amat Mulia-

Yang Amat Mulia Pengiran, kehadiran Yang Berhormat-Yang Berhormat Pehin, Yang Berhormat-Yang Berhormat Dato, Yang Berhormat Datin, Yang Mulia Pengiran Dato, Yang Mulia Dato-Dato, Yang Mulia Tuan-tuan dan Puan-puan ke mesyuarat pada pagi ini. Peramba, kaola, saya juga menyembahkan dan mengucapkan setinggi-tinggi ucapan tahniah di atas lantikan tersebut, InsyaaAllah dengan buah fikiran, cadangan yang bernas serta pengalaman-pengalaman yang ada akan dapat memandu dan melancarkan lagi acara-acara yang dirancang dalam mengukayakan lagi acara-acara sambutan sempena Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Yang Ke-78 Tahun.

Disembahkan dan dikongsikan bahawa Mesyuarat-mesyuarat Jawatankuasa Pandu dan Jawatankuasa Kerja telah diadakan untuk membincangkan secara terperinci persediaan-persediaan yang perlu dibuat sementaraawal sebelum di bawah ke Mesyuarat Jawatankuasa Kebangsaan pada pagi ini. InsyaaAllah, Setiausaha Tetap (Perbandaran dan Daerah) akan menyembahkan dan menyampaikan taklimat berkenaan dengan persediaan-persediaan yang telah diaturnak oleh setiap Jawatankuasa Kerja yang dilantik.

Akhir sekali, peramba, kaola, saya selaku Pengerusi Bersama Jawatankuasa Kebangsaan Sambutan Perayaan Ulang Tahun Keputeraan Kebawah Duli Yang Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Yang Ke-78 pada Tahun 2024, menyembahkan junjung kasih dan mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada semua Ahli Jawatankuasa yang hadir di mesyuarat pada pagi ini serta buah-buah fikiran dan cadangan dalam sama-sama kitani memeriahkan sambutan perayaan yang dimaksudkan.

Sekian, Wabillahit Taufeq Walhidayah, Wassalamu 'Alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

WAKTU SEMBAHYANG										
April MASIHI	HARI	Ramadan HIJRAH	IMSAK	SUBUH	SYURUK	DUHA	ZUHUR	ASAR	MAGHRIB	ISYAK
8	ISNIN	28	4.48	4.58	6.16	6.39	12.23	3.28	6.28	7.38
9	SELASA	29	4.48	4.58	6.16	6.38	12.23	3.28	6.28	7.38
10	RABU	1 Syawal	4.47	4.57	6.15	6.38	12.23	3.29	6.28	7.38
11	KHAMIS	2	4.47	4.57	6.15	6.37	12.22	3.29	6.28	7.37
12	JUMAAT	3	4.46	4.56	6.15	6.37	12.22	3.29	6.27	7.37
13	SABTU	4	4.46	4.56	6.14	6.37	12.22	3.30	6.27	7.37
14	AHAD	5	4.46	4.56	6.14	6.36	12.22	3.30	6.27	7.37

Waktu-waktu sembahyang bagi Daerah Tutong ditambah 1 minit dan Daerah Belait ditambah 3 minit

RAMALAN CUACA 3 HARI			
ISNIN	SELASA	RABU	
Bandar Seri Begawan			
33 25 °C	34 26 °C	34 26 °C	
Pekan Bangar			
33 25 °C	34 25 °C	34 25 °C	
Pekan Tutong			
32 25 °C	33 25 °C	33 25 °C	
Kuala Belait			
32 25 °C	32 25 °C	32 25 °C	

Wallahuallam Bissawab
Sumber : Perkhidmatan Kaji cuaca Brunei Darussalam, Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi

SIDANG PENGARANG

8 APRIL 2024

Bersederhana rai Syawal

TINGGAL dua hari sahaja lagi tirai Ramadan akan berlabuh dan Syawal akan tiba. Apakah kita sudah puas beribadat di bulan Ramadan dan kini bersedia menunggu ketibaan Syawal? Dalam suasana yang semakin rancak untuk menyambut Hari Raya tentunya terselit perasaan sedih dan sayu apabila mengingat Ramadan akan berlalu pergi.

Dalam kita bergembira untuk membuat persiapan meraikan Syawal, kita perlu membuat beberapa langkah penting agar Hari Raya yang akan kita sambut ini lebih bermakna. Antaranya ialah setiap orang tentunya akan memanfaatkan cuti Hari Raya ini dengan berkumpul bersama keluarga yang disayangi. Tetapi kita perlu memastikan perjalanan yang akan ditempuhi nanti akan selamat dengan memastikan kenderaan awda dalam keadaan baik dan selamat. Pastikan awda memeriksa keadaan tayar, brek, pendingin hawa dan keseluruhan komponen kereta dalam keadaan yang baik agar tidak berlaku perkara tak diingini dalam perjalanan. Sama ada perjalanan awda jauh atau dekat, pastikan keselamatan semasa berada di jalan raya akan sentiasa dipatuhi. Patuhi had laju yang dibenarkan, sentiasa pakai tali pinggang keledar dan jangan guna telefon bimbit semasa memandu.

Keselamatan rumah juga perlu kita utamakan. Pastikan kunci semua pintu dan tingkap, dan padamkan suis perkakasan elektrik dan tutup paip air sebelum meninggalkan rumah untuk menghindari perkara-perkara yang tidak diingini. Hari Raya untuk kita bersukaria setelah berpuasa sebulan, oleh itu jangan biarkan kegembiraan tersebut musnah disebabkan oleh kecuaiannya sendiri.

Apa yang penting, sempurnakan pembayaran zakat fitrah sebelum bertolak ke kampung halaman untuk meraikan Aidilfitri bersama keluarga.

Sikap bersederhana dalam meraikan Aidilfitri ini perlu diamalkan kerana membuat persiapan raya secara berlebihan adalah sikap membazir dan dilarang dalam agama kita. Hindarilah perbuatan berlebih-lebihan sehingga menjurus kepada pembaziran dan mengabaikan keperluan yang lebih asas. Syukurilah rahmat yang Allah Subhanahu Wata'ala anugerahkan kepada kita kerana dapat meraikan suasana Hari Raya dengan gembira dan tenang.

Jangan lupa pastikan tahap kesihatan awda dalam keadaan baik. Jangan abaikan kesihatan awda kerana godaan makanan dan minuman yang dihidangkan semasa sambutan Hari Raya memang menggugah selera awda. Bermacam hidangan sering kali membuat awda terlupa bahawa kesihatan juga perlu diutamakan.

Bersederhana dalam meraikan Hari Raya lebih penting daripada bermegah-megah membeli yang tidak perlu. Hari Raya untuk kita merapatkan hubungan ukhuwah dengan saudara-mara, sahabat handai serta jiran tetangga. Hargailah setiap detik sambutan ini dengan penuh kesyukuran. Selamat menyambut Hari Raya yang bakal tiba tidak lama lagi. - **Ketua Penyuntingan (Ri)**

NOTA : AKHBAR PELITA BRUNEI MENGANDUNGI AYAT-AYAT AL-QURAN DAN DOA-DOA. SILA LETAK AKHBAR INI DI TEMPAT YANG SEMPURNA DAN TERJAGA

✉ pelita.brunei@information.gov.bn | ☎ 2382891 / 2383400 Smb. : 217 | 📠 2381004 | 🌐 www.pelitabrunei.gov.bn

تربیتکن اوله جابتن قنراغن، جابتن قردان منتری دان دجیتق اوله قرینت قلس سنذیرین برحد، نکارا برونی

Diterbitkan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dan dicetak oleh Print Plus Sdn. Bhd., Negara Brunei Darussalam

PERWIRA ADAKAN MAJLIS KHATAM, TAHLIL

YANG Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan II semasa hadir bagi sama-sama mengimarahkan Majlis Khatam Al-Quran, Tahlil dan Sembahyang Fardu Maghrib Berjemaah di Surau Ad-Difa, Bolkiah Garison. Juga berangkat dan hadir, Penasihat-penasihat PERWIRA, Yang Amat Mulia Pengiran Sanggamara Diraja Mejar Jeneral (B) Pengiran Haji Ibnu Basit bin Pengiran Datu Penghulu Pengiran Haji Apong dan Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Seri Dewa Mejar Jeneral (B) Dato Seri Pahlawan Awang Haji Mohammad bin Haji Daud dan Lt. Kol. (B) Awang Ramli bin Haji Abd. Hadis.

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 6 April. - Persatuan Veteran Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (PERWIRA) telah mengadakan satu kegiatan keagamaan bagi meraih keberkatan bulan Ramadan bersama ahli-ahli tentera yang bersara, baru-baru ini.

Sehubungan itu, Majlis Khatam Al-Quran, Tahlil dan Sembahyang Fardu Maghrib Berjemaah telah diadakan bertempat di Surau Ad-Difa, Bolkiah Garison.

Hadir bagi sama-sama mengimarahkan majlis ialah



Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan II, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yussof.

Juga berangkat dan hadir, Penasihat-penasihat PERWIRA, Yang Amat Mulia

Pengiran Sanggamara Diraja Mejar Jeneral (B) Pengiran Haji Ibnu Basit bin Pengiran Datu Penghulu Pengiran Haji Apong dan Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Seri Dewa Mejar Jeneral (B) Dato Seri Pahlawan Awang Haji Mohammad bin Haji Daud dan Lt. Kol. (B) Awang Ramli

Siaran Akhbar dan Foto : Persatuan Veteran Angkatan Bersenjata Diraja Brunei

bin Haji Abd. Hadis serta Ahli-ahli Jawatankuasa Kerja Tertinggi PERWIRA, para veteran Angkatan Bersenjata Diraja Brunei serta Ahli-ahli PERWIRA.

Majlis Khatam Al-Quran dan Tahlil tersebut telah dipimpin oleh Pegawai Agama, Jabatan Agama ABDB (JAMA'AT), Awang Muhammad Fahmi bin Haji Matnor.

Kerjasama sepadu membantu golongan memerlukan

Oleh : Marlinawaty Hussin

Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas

TEMBURONG, Ahad, 7 April. - Persatuan Bulan Sabit Merah Negara Brunei Darussalam (PBSM NBD) menerusi Badan Bertindak Bantuan Kemanusiaan dengan kerjasama Jabatan Daerah Temburong menganjurkan Program Iftar Akbar Permata Hijau Daerah Temburong Tahun 1445 Hijrah/2024 Masihi yang diadakan lewat petang tadi di Pekan Bangar.

Seramai 500 orang golongan sasaran menerima agihan sumbangan pek makanan bersungkai daripada PBSM NBD.

Selain itu, kira-kira 1,000 pek makanan bersungkai pelbagai aneka juadah juga disediakan dan diagihkan secara percuma oleh

para penyumbang yang terdiri daripada rakan korporat dan sukarelawan PBSM NBD, serta masyarakat umum.

Hadir selaku tetamu kehormat dan melancarkan program berkenaan ialah Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman.

Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama dan isteri turut menyampaikan sumbangan pek bersungkai kepada para penerima.

Program Iftar Akbar Menyulam Kasih Ramadhan merupakan aktiviti tahunan PBSM NBD dalam

sama-sama mengimarahkan bulan Ramadan yang mubarak.

Ia bertujuan untuk berkongsi kasih sayang dan memeduli sesama insan terutama golongan asnaf fakir dan miskin, mualaf, orang kurang upaya, warga emas, anak yatim dan ibu tunggal serta komuniti daif pada umumnya.

Program tersebut juga menyediakan ruang kepada penglibatan Rakan Korporat dan Masyarakat Umum untuk menghulurkan sedekah berupa pek makanan dan juadah bersungkai untuk diagih-agihkan kepada golongan sasaran berkenaan.

Program itu dianjurkan sebagai satu ruang untuk sama-sama mengimarahkan bulan Ramadan yang mubarak dan mensyukuri nikmat Allah Subhanahu Wata'ala dengan bersungkai bersama-sama.

Program tersebut pertama kali dianjurkan pada tahun 2023 di Taman Mahkota Jubli Emas, di ibu negara yang berjaya menjamu hampir lebih 5,000 orang terdiri daripada golongan asnaf dan masyarakat yang kurang berkemampuan.

YANG Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama hadir selaku tetamu kehormat majlis dan seterusnya menyampaikan sumbangan pek bersungkai kepada para penerima (atas kanan). Sementara gambar kiri, antara yang hadir menyertai program berkenaan.



NATIONAL ROAD SAFETY COUNCIL
BRUNEI DARUSSALAM

NO PHONE

Jangan Menggunakan Telefon Bimbit Semasa Memandu

#YOUandME

Keselamatan Jalan Raya bergantung kepada ANDA dan SAYA

Always Wear a seatbelt

No mobile phones while driving

Speeding is dangerous

Do not drive under influence

Wear helmet and proper attire while riding

Always watch out for other road users

Always check tyres

www.mkkjr.gov.bn



KHATAM AL-QURAN AKHIRI MAJLIS TADARUS AL-QURAN

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 6 April. - Umat Islam hendaklah ada niat untuk Tadabbur yakni ada kemahuan memikirkan isi dan peringatan Al-Quran serta seterusnya segera merancang atau memulakan Tadabbur meskipun hanya satu lembar atau satu muka setiap hari.

Selain itu, umat Islam di negara ini juga elok menggunakan Mushaf Negara Brunei Darussalam dan terjemahannya terbitan Pusat Da'wah Islamiah (PDI), Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) untuk memahami makna Al-Quran yang didengar atau dibaca.

Demikian antara pengisian Tazkirah Tadabbur Al-Quran yang disampaikan oleh Pemangku Timbalan Ra'es Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB), Dr. Haji Abang Hadzmin bin Abang Haji Taha pada Majlis Penutup Tadarus Al-Quran bagi Masjid, Surau dan Balai Ibadat Seluruh Negara bersempena bulan Ramadan Tahun 1445 / 2024 malam tadi.

Menurut Dr. Haji Abang Hadzmin, bagi yang baharu dalam Tadabbur Al-Quran bolehlah memulakannya daripada surah-surah pendek dan lazim yang telah dihafal sejak daripada kecil seperti 13 surah terakhir yang biasa dibaca dalam Sembahyang Tarawih di beberapa buah masjid.

Tadabbur pada peringkat



YANG Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama semasa menghadiri Majlis Penutup Tadarus Al-Quran di Masjid Omar 'Ali Saifuddin dan mendengarkan Tazkirah Tadabbur Al-Quran yang disampaikan oleh Pemangku Timbalan Ra'es Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan.

Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi

Foto : Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid

awal jelasnya, boleh dimulakan dengan memahami tema utama dan pengajaran atau tuntutan dalam sesuatu ayat atau surah seperti Surah At-Takaathur yang mengingatkan manusia agar tidak lalai menghabiskan masa memperbanyak harta hingga mengabaikan ibadah

dan seterusnya dijelaskan dalam surah-surah berikutnya antaranya dalam Surah Al-Asr, Humazah dan lainnya.

Majlis yang berlangsung di Masjid Omar 'Ali Saifuddin di ibu negara dihadiri oleh Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman dan isteri, Datin Hajah Dayang Nahriah binti Haji Asbi.

Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama juga mengepalai bacaan Ummul Kitab, Surah Al-Fatihah bagi memulakan acara. Majlis Khatam Al-Quran

kemudian dimulakan dengan bacaan ayat-ayat Al-Quran beramai-ramai bermula daripada Surah Ad-Dhuha.

Bacaan Takhtim seterusnya dibawakan oleh pegawai-pegawai Masjid Omar 'Ali Saifuddin, Ahli Jawatankuasa Takmir Masjid berkenaan serta para pegawai Jabatan Hal Ehwal Masjid.

Sementara Doa Khatam dipimpin oleh Pegawai Masjid, Masjid Omar 'Ali Saifuddin, Awang Khairul Ariffin bin Haji Yusop dan Doa Peliharakan Sultan dan Negara Brunei Darussalam dibacakan oleh Pegawai Masjid, Begawan Mudim Haji Amran bin Haji Mohd. Salleh.

Turut hadir, Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Mulia Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohammad Tashim bin Pengiran Haji Hassan dan Datin, Setiausaha Tetap KHEU, Awang Haji Mohammad Rosli bin Haji Ibrahim dan isteri, Ra'es Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan, Profesor Madya Dr. Awang Haji Abdul Nasir bin Haji

Abdul Rani; Pemangku Timbalan Setiausaha Tetap (Pentadbiran dan Kewangan) KHEU, Awang Misle bin Haji Abdul Karim dan Pemangku Timbalan Setiausaha Tetap (Dasar dan Keagamaan), KHEU, Awang Haji Hardifadhillah bin Haji Mohd. Salleh.

Majlis Penutup Tadarus Al-Quran bagi Masjid, Surau dan Balai Ibadat Seluruh Negara tersebut telah dikendalikan oleh KHEU melalui Jabatan Pentadbiran dan Jabatan Hal Ehwal Masjid dengan kerjasama Ahli Jawatankuasa Takmir Masjid Omar 'Ali Saifuddin dan Radio Televisyen Brunei.

Negara Brunei Darussalam akan melakukan merukyah anak bulan Syawal di beberapa tempat pada 9 April ini bagi menentukan 1 Syawal dan seterusnya meraikan lebaran Aidilfitri yang merupakan hari kemenangan umat Islam setelah mengharungi ujian dalam bulan Ramadan dengan penuh keyakinan iman dan meningkatkan lagi ketakwaan demi mengharapkan reda Allah Subhanahu Wata'ala.



TURUT hadir isteri Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama, Datin Hajah Dayang Nahriah binti Haji Asbi.



سوروهنجاي فرخدمتن عوام
SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM
JABATAN PERDANA MENTERI | BRUNEI DARUSSALAM
WWW.RECRUITMENT.GOV.BN | WWW.SPA.GOV.BN



ADAKAH PROFIL PSCR 2.0 AWDA LENGKAP DAN TERATUR?

100%

BARU

PANDUAN LATAR BELAKANG PENDIDIKAN

- ✓ Kelulusan Pendidikan Tinggi
Diploma / Ijazah Sarjana Muda / Ijazah Sarjana / PHD atau sebanding (bidang Major atau Minor dimestikan teratur)
- ✓ Kelulusan Pendidikan Menengah
PMB / GCE 'O' LEVEL / GCE 'A' LEVEL atau sijil / kelulusan sebanding
- ✓ Tamat Persekolahan
bagi pemohon yang menamatkan pelajaran di peringkat menengah sahaja

PANDUAN MUATNAIK DOKUMEN

- ✓ Maklumat Peribadi
Kad Pengenal / Paspot / Gambar Terkini
- ✓ Maklumat Lesen Memandu
- ✓ Kelulusan Pendidikan Tinggi
Sijil / Transkrip (dimestikan dimuatnaik) / MKPK (jika dari Institusi Swasta / Luar Negeri)
- ✓ Kelulusan Pendidikan Menengah
- ✓ Tamat Persekolahan
(Sijil berhenti Sekolah)

PANDUAN PENGALAMAN KERJA

- ✓ Pengalaman Kerja Kerajaan
menandakan "✓" pada jawatan sekarang / prestasi 3 tahun kebelakangan / pengesahan profil pegawai kakitangan kerajaan / tempoh kerja yang teratur / tarikh mula dalam tangga gaji / tangga gaji / nama jawatan yang betul
- ✓ Pengalaman Kerja Swasta
- ✓ Pengalaman Kerja Beruniform
- ✓ Pengalaman Bekerja Sendiri
- ✓ Penempatan Kerja
- ✓ Tidak Bekerja

PANDUAN KEMAHIRAN DAN KELAYAKAN PROFESIONAL

- ✓ Kelayakan Profesional
- ✓ Peperiksaan Kesetiausahaan
- ✓ Kemahiran Bahasa
- ✓ Lain-Lain Kemahiran

PANDUAN PEPERIKSAAN DAN KURSUS

- ✓ Peperiksaan Kerajaan
- ✓ Kursus Yang Dihadiri (Kerajaan/Swasta)
- ✓ Kursus Induksi Perkhidmatan Awam
- ✓ Kursus Perkhidmatan Awam (IPA)
- ✓ Program Pembangunan Eksekutif














Program Ihsan YSHHB sempena bulan Ramadan 1445H

Daerah Brunei dan Muara

Oleh : Nooratini Haji Abas

Foto : Ak. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman



>> Muka 1

Program ini juga sejajar dengan matlamat strategik YSHHB dalam mengimbangi pemedulian terhadap keperluan asasi golongan yang memerlukan.

Penyampaian sumbangan melalui Program Ihsan YSHHB dikendalikan di beberapa buah kampung di keempat-empat daerah.

Di Daerah Brunei dan Muara diketuai oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan II, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yussof selaku Pengerusi Lembaga Pengarah

YSHHB.

Turut hadir dan menyampaikan sumbangan ialah Setiausaha Tetap (Perancangan, Guna Tanah dan Alam Sekitar) di Kementerian Pembangunan, Dr. Dayang Nor Imtihan binti Haji Abdul Razak selaku Pemangku Pengarah Urusan YSHHB.

Sumbangan melalui Program Ihsan YSHHB ini adalah dihasratkan akan dapat membantu meringankan keperluan perbelanjaan dalam menyediakan keperluan keluarga di bulan Ramadan supaya mereka dapat menjalankan ibadah puasa dengan sempurna dan akan memberikan keceriaan kepada mereka dalam menyambut Hari Raya Aidilfitri nanti.



YANG Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan II selaku Pengerusi Lembaga Pengarah YSHHB mengetuai rombongan di Daerah Brunei dan Muara dan seterusnya menyampaikan sumbangan kepada salah seorang penerima (atas dan kiri). Sementara gambar bawah, Setiausaha Tetap (Perancangan, Guna Tanah dan Alam Sekitar) di Kementerian Pembangunan selaku Pemangku Pengarah Urusan YSHHB semasa menyampaikan sumbangan.



Yang Berhormat Menteri Kesihatan selaku Timbalan Pengerusi Lembaga Pengarah YSHHB semasa menyampaikan sumbangan kepada penerima pada Program Ihsan YSHHB (atas). Manakala gambar kanan, antara sumbangan yang berbentuk makanan asasi serta kuih-muih dan minuman ringan.

BELAIT, Sabtu, 6 April. - Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (YSHHB) sebagai wadah amal jariah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan ahli kerabat baginda sentiasa memberikan pemedulian terhadap kebajikan dan

kesejahteraan rakyat dan penduduk di Negara Brunei Darussalam.

Sehubungan itu, YSHHB menyampaikan sumbangan kewangan dengan jumlah keseluruhan sebanyak BND138,800 di samping sumbangan berbentuk makanan asasi serta kuih-muih dan minuman ringan kepada sebanyak 150 buah keluarga yang terdiri daripada warga emas dan golongan

yang memerlukan bantuan di seluruh negara melalui Program Ihsan YSHHB bersempena dengan bulan Ramadan 1445 Hijrah bersamaan 2024 Masihi.

Program ini juga sejajar dengan matlamat strategik YSHHB dalam mengimbangi pemedulian terhadap keperluan asasi golongan yang memerlukan. Penyampaian sumbangan melalui Program Ihsan YSHHB dikendalikan di beberapa buah kampung di keempat-empat daerah.

Di Daerah Belait, penyampaian sumbangan Program Ihsan YSHHB disempurnakan oleh Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohammad Isham bin Haji Jaafar selaku Timbalan Pengerusi Lembaga Pengarah YSHHB kepada 20 buah keluarga di daerah berkenaan, hari ini.

Sumbangan melalui Program Ihsan YSHHB ini adalah dihasratkan akan dapat membantu meringankan keperluan perbelanjaan dalam menyediakan keperluan keluarga di bulan Ramadan supaya mereka dapat menjalankan ibadah puasa dengan sempurna dan akan memberikan keceriaan kepada mereka dalam menyambut Hari Raya Aidilfitri nanti.

Daerah Belait

Oleh : Pg. Vivy Malessa Pg. Ibrahim

Foto : Dk. Nur Hafilah Pg. Osman



Program Ihsan YSHHB sempena bulan Ramadan 1445H

Daerah Tutong



YANG Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, selaku Ahli Lembaga Pengarah YSHHB semasa mengetuai rombongan bagi Daerah Tutong dan seterusnya menyampaikan sumbangan kepada para penerima (kiri dan kanan).

jariah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan ahli kerabat baginda sentiasa memberikan pemeduliaan terhadap kebajikan dan kesejahteraan rakyat dan penduduk di Negara Brunei Darussalam.

Bagi Daerah Tutong, rombongan diketuai oleh Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Abdul Manaf bin Haji Metussin, selaku Ahli Lembaga Pengarah YSHHB telah menyampaikan sumbangan kepada penerima di lima buah lokasi iaitu tiga penerima di Mukim Ukong dan dua penerima di Mukim

TUTONG, Sabtu, 6 April. - Sumbangan berbentuk kewangan, makanan asasi serta kuih-muih dan minuman ringan telah diserahkan kepada sebanyak 150 buah keluarga terdiri daripada warga emas dan golongan yang

memerlukan bantuan di seluruh negara hari ini melalui Program Ihsan Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (YSHHB) bersempena dengan bulan Ramadan 1445 Hijrah bersamaan 2024 Masihi. YSHHB sebagai wadah amal



■ Berita dan Foto : Hernie Suliana Haji Othman

Rambai.

Sumbangan melalui Program Ihsan YSHHB ini dihasrat akan dapat membantu meringankan keperluan perbelanjaan dalam menyediakan keperluan keluarga di bulan Ramadan supaya mereka dapat menjalankan ibadah puasa dengan sempurna dan akan memberikan keceriaan kepada mereka dalam menyambut Hari

Raya Aidilfitri nanti. Ia juga sejajar dengan matlamat strategik YSHHB dalam mengimbangi pemeduliaan terhadap keperluan asasi golongan yang memerlukan.

Turut hadir pada majlis berkenaan, Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Haji Mohamad Daniah@Tekpin bin Ya'akub, selaku Penghulu Mukim Ukong.



YANG Berhormat Menteri Pendidikan selaku Ahli Lembaga Pengarah YSHHB semasa menyampaikan sumbangan kepada para penerima di Daerah Temburong pada Program Ihsan YSHHB bagi membantu meringankan keperluan perbelanjaan dalam menyediakan keperluan keluarga pada bulan Ramadan (atas, atas kanan dan kanan).

TEMBURONG, Sabtu, 6 April. - Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (YSHHB) menerusi Program Ihsan YSHHB bersempena dengan bulan Ramadan 1445 Hijrah bersamaan 2024 Masihi telah menyampaikan sumbangan berbentuk kewangan dan makanan serta kuih-muih dan minuman ringan di keempat-empat daerah hari ini.

Peruntukan sumbangan Program Ihsan YSHHB kali ini berjumlah keseluruhannya BND138,800 dan diserahkan kepada seramai 150 buah keluarga yang terdiri daripada warga emas dan golongan yang memerlukan bantuan.

Daripada pecahan jumlah itu, 20 buah keluarga diagihkan bagi Daerah Temburong dan disampaikan secara berasingan oleh Menteri Pendidikan, Yang Berhormat Datin Seri Setia Dr. Hajah Romaizah binti Haji Md. Salleh selaku Ahli Lembaga Pengarah YSHHB.

Sumbangan melalui Program Ihsan YSHHB ini bertujuan bagi membantu meringankan keperluan perbelanjaan dalam menyediakan keperluan keluarga pada bulan Ramadan supaya mereka dapat menjalankan ibadah puasa dengan sempurna dan memberikan keceriaan kepada mereka dalam

menyambut Hari Raya Aidilfitri nanti.

Adapun YSHHB sebagai wadah amal jariah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan ahli kerabat baginda di mana program seumpama ini juga sejajar dengan matlamat strategik YSHHB dalam mengimbangi pemeduliaan terhadap keperluan asasi golongan yang memerlukan malah Kebawah Duli Yang Maha Mulia sentiasa memberikan pemeduliaan terhadap kebajikan dan kesejahteraan rakyat serta penduduk di Negara Brunei Darussalam.

Daerah Temburong

Oleh : Aimi Sani
Foto : Azmah Haji Ahad



BKISHHB adakan Majlis Khatam Al-Quran



Oleh : Nooratini Haji Abas
Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas



YANG Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan II hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Khatam Al-Quran bagi Tahun 1445H bersamaan 2024M, bertempat di Dewan Auditorium BKISHHB. Hadir sama, Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan (kiri). Sementara gambar kanan, Yang Berhormat Menteri di JPM dan Menteri Pertahanan II semasa menyempurnakan penyampaian derma kepada penerima.

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 6 April. - Majlis-majlis keagamaan khususnya Majlis Khatam Al-Quran terus dipergiatkan lagi di bulan suci ini lebih-lebih lagi memasuki 10 malam terakhir Ramadan.

Dalam merebut ganjaran pahala dan keberkatan pada bulan yang mulia ini, Balai Khazanah Islam Sultan Haji Hassanal Bolkiah (BKISHHB), Jabatan Perdana Menteri (JPM) lewat petang tadi mengadakan Majlis Khatam Al-Quran bagi Tahun 1445H bersamaan 2024M, bertempat di Dewan Auditorium BKISHHB.

Hadir selaku tetamu kehormat pada majlis berkenaan, Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan II, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yusof, selaku Pengerusi Lembaga Penasihat BKISHHB.

Hadir sama ialah Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Haji Awang Nazmi bin Haji Awang Mohamad; Timbalan Menteri (Urus Tadbir Perkhidmatan Awam) di JPM, Yang Mulia Dato Seri Paduka Awang Mohammed Riza bin Dato Paduka Haji Mohammed Yunos dan Timbalan Menteri (Sekuriti dan Undang-undang), JPM, Yang Mulia Dato Seri Paduka Awang Haji Sufian bin Haji Sabtu selaku Ahli-ahli Lembaga Penasihat BKISHHB.

Majlis Khatam Al-Quran dimulakan dengan bacaan Sayyidul Istighfar dan Surah Al-Fatihah dipimpin oleh tetamu kehormat, diikuti dengan bacaan Surah Adh-Dhuha hingga Surah An-Nas beramai-ramai.

Sementara itu, Doa Khatam dibacakan oleh Imam Tingkat I, Jabatan Hal Ehwal Masjid, Awang Muhd. Arif bin Haji Johari.

Majlis turut diimarahkan lagi dengan laungan Selawat Taffriyyah beramai-ramai sebanyak tiga kali sebelum ditutup dengan bacaan Doa Allah Peliharakan Sultan dan Negara Brunei Darussalam dipimpin oleh Awang Muhd. Arif.

Pada majlis tersebut, Yang Berhormat Menteri di JPM dan Menteri Pertahanan II turut menyempurnakan penyampaian derma kepada empat orang anak yatim terdiri dari anak-anak kakitangan jabatan.

Para jemputan kemudiannya dijemput untuk berbuka puasa dan seterusnya beredar ke Surau BKISHHB untuk menunaikan Sembahyang Fardu Maghrib Berjemaah yang diimamkan oleh Awang Muhd. Arif.

Tahun ini adalah kali kedua

SUASANA sekitar majlis berkenaan.

BKISHHB mengadakan Majlis Iftar bersama Ahli-ahli Lembaga Penasihat BKISHHB di samping Majlis Khatam Al-Quran tahunan pada bulan Ramadan, bertujuan

untuk menyemarakkan lagi bulan Ramadan yang mubarak di samping mendapatkan ganjaran pahala serta keberkatan dari Allah Subhanahu Wata'ala.



Meraih ganjaran pahala di bulan Ramadan



YANG Berhormat Menteri Kesihatan hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Khatam Al-Quran dan menyampaikan derma kepada anak-anak yatim yang diadakan di masjid berkenaan (atas dan kanan).

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid
Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said

TANAH JAMBU, Ahad, 7 April. - Bulan Ramadan Al-Mubarak adalah bulan yang dinanti-nantikan, bulan yang memberi makna besar dalam perjalanan hidup seorang Muslim.

Ini kerana ia menjanjikan ganjaran pahala yang berlipat ganda kepada setiap amalan yang dilakukan dan padanya terhimpun rahmat serta keampunan daripada Allah Subhanahu Wata'ala.

Pintu-pintu syurga dibuka pada bulan Ramadan dan peluang-peluang mendapatkan kelebihan dan pahala yang berlipat ganda turut dibukakan seluas-luasnya kepada kita sepanjang bulan ini.

Bersempena bulan Ramadan yang penuh keberkatan ini, Ahli Jawatankuasa Takmir Masjid Tanah Jambu mengadakan Majlis Khatam Al-Quran dan penyampaian derma kepada anak-anak yatim yang diadakan di masjid berkenaan, hari ini.



Hadir selaku tetamu kehormat pada majlis tersebut ialah Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohammad Isham bin Haji Jaafar.

Acara diteruskan dengan Tadarus Al-Quran, diikuti dengan bacaan Tahlil dan kemudiannya bacaan

Doa Peliharakan Sultan dan Negara Brunei Darussalam.

Majlis diteruskan dengan penyampaian derma kepada anak-anak yatim.

Majlis-majlis keagamaan pada bulan Ramadan seumpama ini adalah salah satu daripada aktiviti tahunan bagi mengeratkan

silaturahmi antara jemaah masjid dan penduduk kampung.

Selain itu, ia juga adalah bagi sama-sama menghidupkan dan menyemarakkan lagi bulan Ramadan yang mulia ini, serta merebut ganjaran pahala dan keberkatan yang dijanjikan Allah Subhanahu Wata'ala.

KESIHATAN HAK ASASI SETIAP INDIVIDU

Oleh : Oleh : Muhammad Zulkamal Awang Haji Kamis
Foto : Ihsan Kementerian Kesihatan

>> Muka 1

Ini termasuk peningkatan kes-kes penyakit dan bencana yang menyebabkan kematian dan ketidakupayaan, pencemaran udara, konflik politik yang memusnahkan kehidupan, menyebabkan kematian, kesakitan, kelaparan dan tekanan mental atau psikologi yang tinggi.

Menurut Pertubuhan Kesihatan Sedunia, pencemaran udara menyebabkan kadar kematian yang membimbangkan iaitu kira-kira satu kematian pada setiap 5 saat. Pembakaran bahan api fosil dan pengeluaran karbon yang tinggi yang berterusan mencemari bumi dan beransur-ansur meragut hak manusia untuk menghirup udara segar dan hidup tanpa pencemaran.

Kesihatan adalah hak asasi setiap individu di mana setiap orang mempunyai hak untuk mendapatkan perkhidmatan kesihatan yang berkualiti, terbaik, mudah diakses pada bila-bila masa dan di mana jua ia diperlukan tanpa dibebani dengan isu kewangan mengikut prinsip Liputan Kesihatan Sejagat atau Universal Health Coverage (UHC).

Prinsip Liputan Kesihatan Sejagat ini menjanjikan perlindungan kewangan dan akses kepada perkhidmatan kesihatan asasi yang boleh mengelakkan terjadinya kemiskinan dalam kalangan masyarakat, menggalakkan kesejahteraan keluarga dan masyarakat serta melindungi dari krisis kesihatan awam.

Demikian antara yang diujarkan oleh Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohammad Isham

bin Haji Jaafar dalam perutusan sempena Sambutan Hari Kesihatan Sedunia 2024.

Yang Berhormat Menteri Kesihatan seterusnya berucap bahawa The WHO Council on the Economics of Health for All telah mendapati sekurang-kurangnya 140 buah negara memperakui kesihatan sebagai hak asasi manusia dalam perlembagaan mereka.

Namun ia tidak dipraktikkan melalui penguatkuasaan atau pelaksanaan undang-undang untuk memastikan rakyat dan penduduk mempunyai akses kepada perkhidmatan kesihatan. Ini terbukti pada hakikatnya, bahawa sekurang-kurangnya 4.5 bilion penduduk lebih daripada separuh penduduk dunia tidak mempunyai akses penuh kepada perkhidmatan kesihatan asas dan penting pada tahun 2021.

Justeru, jelas Yang Berhormat, tema Sambutan Hari Kesihatan Sedunia bagi tahun 2024 'Kesihatan Saya, Hak Saya (My Health, My Right)' dipilih untuk memperjuangkan hak setiap penduduk di mana jua untuk mendapatkan akses kepada perkhidmatan kesihatan, pendidikan dan informasi yang berkualiti, termasuk juga akses kepada bekalan air yang bersih dan selamat, udara yang bersih, makanan yang mengandungi zat, perumahan yang berkualiti, persekitaran bekerja yang baik dan bebas daripada diskriminasi.

Negara Brunei Darussalam (NBD) adalah merupakan salah sebuah negara di Rantau Pasifik Barat yang mempunyai indeks Liputan Kesihatan Sejagat (Universal Health Coverage) yang tinggi dengan

sistem kesihatan yang kukuh berlandaskan Penjagaan Kesihatan Asasi yang komprehensif dan disalurkan melalui perkhidmatan komuniti yang berkesan mengikut kawasan tadahan yang meliputi seluruh pelosok negara sebanding dengan negara-negara maju seperti Jepun dan Singapura.

Seterusnya Yang Berhormat berucap menjelaskan bahawa pelaburan kerajaan dalam memastikan penjagaan kesihatan yang berkualiti kepada seluruh rakyat dan penduduk di negara ini telah terbukti berkesan yang diukur melalui pencapaian status kesihatan mengikut petunjuk-petunjuk yang digariskan di bawah Matlamat Pembangunan Mampan (Sustainable Development Goals) seperti kadar kematian anak damit, liputan imunisasi bagi kanak-kanak, akses kepada ubat-ubatan dan rawatan dan pelaburan bagi program-program pencegahan dan pemulihan.

"Liputan Kesihatan Sejagat memberikan sinar harapan ke arah kesaksamaan yang menjanjikan kesihatan dan kesejahteraan bagi semua tanpa mengira status sosial dan ekonomi dan ia mempunyai prinsip untuk memastikan tiada seorang pun yang terabai daripada hak mendapatkan perkhidmatan kesihatan," ujar Yang Berhormat.

Walau bagaimanapun, ucap Yang Berhormat Menteri Kesihatan untuk mencapai Liputan Kesihatan Sejagat, ia bukan sekadar mengembangkan liputan perkhidmatan, akan tetapi ia memerlukan transformasi dalam sistem penjagaan kesihatan dan memerlukan pendekatan inovatif, dasar dan peraturan yang kukuh, pelaburan yang berdaya tahan untuk membina sistem kesihatan yang



HARI Kesihatan Sedunia disambut setiap tahun pada 7 April dengan tema yang berbeza-beza. Pada tahun ini, tema Sambutan Hari Kesihatan Sedunia 2024 ialah 'Kesihatan Saya, Hak Saya (My Health, My Right)'.

teguh dan inklusif bagi memenuhi evolusi keperluan penduduk di NBD dan juga di seluruh dunia.

Untuk mengakhiri, tambah Yang Berhormat, pada Hari Kesihatan Sedunia ini, kita sewajarnya memperbaharui komitmen terhadap prinsip keadilan dan kesaksamaan dalam kesihatan dan bekerjasama merentas sektor dan sempadan untuk membangun sistem kesihatan yang inklusif tanpa diskriminasi.

"Penjagaan kesihatan yang

kita huluskan kepada rakyat dan penduduk bukan hanya semata-mata sebagai kewajipan moral, malah ia adalah pelaburan strategik bagi masa depan bersama. Dengan memberikan akses kepada penjagaan kesihatan, kita mampu menyerlahkan potensi manusia, merangsang pertumbuhan ekonomi dan membina masyarakat yang teguh dan inklusif," ujar Yang Berhormat mengakhiri perutusan.

"LIPUTAN Kesihatan Sejagat memberikan sinar harapan ke arah kesaksamaan yang menjanjikan kesihatan dan kesejahteraan bagi semua tanpa mengira status sosial dan ekonomi dan ia mempunyai prinsip untuk memastikan tiada seorang pun yang terabai daripada hak mendapatkan perkhidmatan kesihatan," ujar Yang Berhormat.

Tadarus Kementerian Pembangunan labuh tirai



YANG Berhormat Menteri Pembangunan hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Khatam Al-Quran, diselenggarakan dengan Berbuka Puasa dan Solat Fardu Maghrib berjemaah di Masjid Kampung Labu Estate.

TEMBURONG, Sabtu, 6 April. - Tadarus Kementerian Pembangunan dan Jabatan-jabatan di bawahnya sempena bulan Ramadan 1445 Hijrah/ 2024 Masihi yang telah diadakan selama tiga minggu di surau Kementerian Pembangunan berakhir petang tadi dengan Majlis Khatam Al-Quran, diselenggarakan dengan Berbuka Puasa dan Solat Fardu Maghrib berjemaah di Masjid Kampung Labu Estate.

Majlis tersebut dikelolakan oleh Jabatan Alam Sekitar, Taman dan Rekreasi (JASTRe).

Hadir selaku tetamu kehormat ialah Menteri Pembangunan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Muhammad Juanda bin Haji Abdul Rashid.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah yang dipimpin oleh Yang Berhormat Menteri Pembangunan, diikuti dengan bacaan Juzuk 30 beramai-ramai

Oleh : Marlinawaty Hussin

Foto : Ak. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman

bersama 61 qari dan qariah yang terdiri daripada pegawai serta kakitangan Kementerian Pembangunan dan jabatan-jabatan di bawahnya.

Acara kemudiannya diteruskan dengan bacaan Takhtim dan Dikir Marhaban yang dikepalai oleh Awang Hifzuddin bin Lamudin dan Awang Muhammad Hafiy bin Awang Noorsam @ Noorsyam, serta bacaan Doa Khatam oleh Ketua Imam Masjid Kampung Labu Estate, Awang Khairulamin Fitri bin Haji Samsudin.

Manakala Doa Peliharakan Sultan dibacakan oleh Imam masjid berkenaan, Awang Nortaquiuddin bin Nordin.

Majlis diakhiri dengan penyampaian sijil penghargaan kepada Ketua-ketua Jabatan, disusuli dengan berbuka puasa dan solat Fardu Maghrib berjemaah yang diimamkan oleh Ketua Imam masjid.

Turut hadir di majlis tersebut ialah Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Nasir selaku Ketua Kampung Labu Estate; Setiausaha Tetap (Infrastruktur, Perumahan dan Profesional),

Kementerian Pembangunan, Ir. Awang Haji Amer Hishamuddin bin Pehin Orang Kaya Amar Pahlawan Dato Seri Setia Haji Zakaria; Timbalan Setiausaha Tetap (Korporat dan Undang-Undang), Kementerian Pembangunan, Dayang Aldila binti Haji Mohammad Salleh; Pemangku Pegawai Daerah Temburong, Awang Mohamad

Yassin bin Haji Ahmed, serta ketua-ketua jabatan dan pegawai-pegawai kanan Kementerian Pembangunan dan jabatan-jabatan di bawahnya.

Majlis ini merupakan aktiviti keagamaan tahunan Kementerian Pembangunan untuk menyemarakkan bulan Ramadan dengan bacaan ayat-ayat suci Al-Quran serta untuk mendapatkan keredaan dan keberkatan daripada Allah Subhanahu Wata'ala.



ANTARA yang hadir di majlis tersebut.

PERKUKUH KERJASAMA, KEDAYATAHANAN EKONOMI SERANTAU



YANG Mulia Timbalan Menteri Kewangan dan Ekonomi (Fiskal) di Kementerian Kewangan dan Ekonomi semasa menghadiri Mesyuarat ASEAN Finance Ministers' and Central Bank Governors' Meeting (AFMGM) Ke-11 dan Mesyuarat-Mesyuarat Berkaitan yang diadakan di Luang Prabang, Lao PDR.

kerjasama dengan rakan kongsi asing.

Dalam ucapan beliau, Yang Mulia Pengiran Datin Seri Paduka Hajah Zety Sufina telah menyampaikan beberapa perkara seperti berikut iaitu Mengalu-alukan kemajuan yang dicapai dalam pelbagai sektor kerjasama kewangan ASEAN termasuk kastam dan percukaian.

Mengalu-alukan penubuhan ASEAN Treasury Forum yang bertujuan untuk meningkatkan kerjasama di antara pihak Perbendaharaan Negara-negara Ahli ASEAN serta memberikan peluang untuk pertukaran amalan terbaik, pembinaan kapasiti dan pembangunan Kemahiran.

Dan menekankan kepentingan bagi ASEAN untuk terus memupuk ekosistem kewangan yang berdaya tahan dan dinamik yang memudahkan pembayaran rentas sempadan yang lancar, menarik pelaburan swasta dan menggalakkan pendekatan pembiayaan yang inovatif.

Dalam hal ini, kemajuan integrasi digital akan menjadi asas dalam memacu pertumbuhan dan inklusiviti kewangan dan ekonomi bagi rantau ASEAN.

Turut hadir pada Mesyuarat-mesyuarat tersebut adalah Pemangku Setiausaha Tetap (Fiskal I) di Kementerian Kewangan dan Ekonomi, Awang Haji Asrul Adrain bin Pehin Orang Kaya Setia Pahlawan Dato Seri Setia Dr. Haji Ahmad, serta Timbalan Pengarah Urusan BDCB, Dayang Hajah Noorafidah binti Haji Sulaiman.

■ Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Kewangan dan Ekonomi

>> Muka 1

Menteri-Menteri Kewangan ASEAN seterusnya mengadakan sesi dialog bersama dengan Institusi-Institusi Kewangan Antarabangsa (IFIs) iaitu International Monetary Fund, World Bank, Asian Development Bank dan ASEAN+3 Macroeconomic Research Office.

Mesyuarat bertukar pandangan mengenai prospek ekonomi serantau dan global dan peluang bagi ASEAN dan IFIs untuk mengukuhkan kerjasama dan membina kedayatahanan serantau dalam menghadapi cabaran antara lainnya seperti gangguan rantaian bekalan dan perubahan iklim.

Semasa sesi plenari, Menteri-Menteri Kewangan ASEAN dan wakil-wakil menyokong keutamaan Lao PDR selaku Pengerusi ASEAN bagi tahun 2024 yang membawakan tema 'ASEAN : Enhancing Connectivity and Resilience'.

Mesyuarat seterusnya membincangkan usaha-usaha ke arah mengeratkan kerjasama kewangan ASEAN dalam hal-hal kastam, perbendaharaan, percukaian, insurans, pembiayaan infrastruktur dan kerjasama rentas sektor di antara trek kewangan ASEAN dan sektor-sektor lain termasuk kesihatan dan pertanian.

Para Menteri dan wakil juga mengambil maklum tentang kepentingan bagi ASEAN untuk terus mengukuhkan

سوروهنجاي فرخدمتن عوام
SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM
JABATAN PERDANA MENTERI | BRUNEI DARUSSALAM
WWW.RECRUITMENT.GOV.BN | WWW.SPA.GOV.BN

IKLAN JAWATAN KOSONG PERKHIDMATAN AWAM
MAKLUMAT LANJUT MENGENAI KEKOSONGAN JAWATAN, SYARAT-SYARAT KELAYAKAN SERTA HURAIAN TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB BOLEH DILAYARI DI WWW.RECRUITMENT.GOV.BN

PERINGATAN PENTING

1. Teliti Skim Iklan sebelum memohon.
2. Profil yang tidak lengkap dan tidak memenuhi syarat kelayakan skim iklan akan ditolak.
3. Lengkapkan Profil PSCR 2.0 (WWW.RECRUITMENT.GOV.BN)
4. Lengkapkan Kelulusan (keputusan / pangkat serta subjek / bidang kelulusan)
5. Muat naik dokumen kelulusan yang lengkap
6. Tandakan " " pada kotak semak "Jawatan Sekarang" di dalam ruangan "Pengalaman Kerja Kerajaan"
7. Lengkapkan Maklumat (kursus / peperiksaan / peperiksaan Perkhidmatan Awam / latihan-latihan / kelayakan profesional dan lain-lain yang dipersyaratkan di dalam skim iklan)

+673 7371961 | PSC.BN | query@spa.gov.bn

Bagi Talian Whattsapp: [Suruhannya Perkhidmatan Awam](https://www.whatsapp.com/channel/01203200000000000000)

Bagi media sosial: PSC.BN

Paket raya ceriakan anak yatim



YANG Berhormat Ahli Majlis Mesyuarat Negara semasa menyampaikan paket raya dari Hotel Al-Afiah kepada anak-anak yatim dari Daerah Brunei dan Muara. Turut hadir, Pemangku Pegawai Daerah Brunei dan Muara, Pengiran Muhammad Ameer Mubaarak bin Pengiran Haji Hashim.

BANDAR SERI BEGAWAN, 'Sungkai Buffet Bersama Anak-Anak Yatim' di Hotel Al-Afiah, Kiulap.

Sabtu, 6 April. - Mirra Hanna Employment Agency dengan kerjasama Hotel Al-Afiah lewat Hadir selaku tetamu kehormat petang tadi menganjurkan majlis, Ahli Majlis Mesyuarat

Negara, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Adanan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Awang Haji Mohd. Yusof.

Turut hadir, Pemangku Pegawai Daerah Brunei dan Muara, Pengiran Muhammad Ameer Mubaarak bin Pengiran Haji Hashim.

Acara terdahulu dimulakan dengan bacaan Surah Yaa Siin, Tahlil, dan Doa Arwah dipimpin oleh Awang Muhammad Syauqi bin Haji Abu Kassim.

Ketika berbuka puasa, kanak-kanak dan penjaga mereka dijamu dengan pelbagai jenis hidangan juadah istimewa dari Hotel Al-Afiah.

Pada majlis itu juga, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Adanan menyampaikan paket raya dari Hotel Al-Afiah kepada seramai 50 orang anak-anak yatim dari Daerah Brunei

Oleh : Khartini Hamir
Foto : Azmah Haji Ahad



MIRRA Hanna Employment Agency dengan kerjasama Hotel Al-Afiah menganjurkan 'Sungkai Buffet Bersama Anak-Anak Yatim' di Hotel Al-Afiah, Kiulap.

dan Muara.

Manakala Datin Paduka Hajah Salmah binti Haji Hanafiah dan Pengarah Urusan Mirra Hanna

Employment Agency, Puan Jessie Lim turut menyampaikan bungkusan raya kepada para penerima.

10 TERIMA SIJIL KURSUS ASAS PEMANDU PELANCONG



PEMANGKU Setiausaha Tetap Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan (KSSUP), Dayang Hajah Dahliana binti Haji Aliakbar semasa hadir pada Majlis Penyampaian Sijil bagi Kursus Asas Pemandu Pelancong bertempat di Dewan Setia Pahlawan, KSSUP.

Oleh : Khartini Hamir

Foto : Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 6 April. - Seramai 10 orang yang telah lulus pemeriksaan secara teori dan praktikal bagi Kursus Asas Pemandu Pelancong menerima sijil masing-masing pada Majlis Penyampaian Sijil bagi Kursus Asas Pemandu Pelancong bertempat di Dewan Setia Pahlawan, Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan (KSSUP), pagi tadi.

Hadir menyempurnakan penyampaian sijil tersebut ialah Pemangku Setiausaha Tetap KSSUP, Dayang Hajah Dahliana binti Haji Aliakbar.

Kursus Asas Pemandu Pelancong Kali Ke-14 ini telah dikendalikan selama 10 hari bermula 26 Februari hingga 7 Mac 2024.

Kursus tersebut merupakan sebagai salah satu pra syarat Jabatan Kemajuan

Pelancongan bagi mana-mana individu yang ingin mendapatkan lesen Pemandu Pelancong di negara ini.

Sejak kursus itu mula diperkenalkan, seramai 205 orang pemandu pelancong yang berdaftar di Jabatan Kemajuan Pelancongan telah mengikuti kursus asas pemandu pelancong yang dikendalikan secara kerjasama di antara Jabatan Kemajuan Pelancongan dan Laksamana College of Business, iaitu sebuah institusi yang telah dilantik bagi mengendalikan Kursus Asas Pemandu Pelancong di Negara Brunei Darussalam.

Kursus Asas Pemandu Pelancong ini diadakan bertujuan untuk meningkatkan dan memantapkan kemahiran seorang pemandu pelancong dalam memberikan perkhidmatan

yang berkualiti dan memenuhi kehendak piawaian yang telah ditetapkan, menyelaras maklumat dan informasi yang disalurkan oleh setiap pemandu pelancong adalah tepat dan betul serta membuka peluang-peluang pekerjaan yang boleh dimanfaatkan oleh penduduk tempatan khususnya dalam kalangan belia-belia di negara ini.

Peserta kursus telah didedahkan terhadap teknik-teknik kemahiran asas praktikal dan teori tentang tatacara sebagai pemandu pelancong, pengenalan destinasi-destinasi utama pelancongan dan tempat-tempat menarik serta pengenalan berhubung industri pelancongan di negara ini.

Bagi pemandu pelancong yang telah lulus kursus asas Pemandu Pelancong, adalah dikehendaki untuk menghadapkan permohonan ke Jabatan Kemajuan Pelancongan, KSSUP bagi

mendapatkan Lesen Pemandu Pelancong.

Mana-mana individu yang belum berdaftar dan belum mendapatkan lesen Pemandu Pelancong adalah menjadi satu kesalahan jika didapati mengendalikan perkhidmatan Pemandu Pelancong tanpa lesen yang sah atau mengiklankan/ menawarkan perkhidmatan pelancongan persendirian boleh dikenakan denda mengikut Seksyen 20(3) Akta Pelancongan, Penggal 239 iaitu bagi kesalahan pertama, denda tidak melebihi BND5,000 dan bagi kesalahan kedua dan seterusnya denda akan dikenakan tidak melebihi BND10,000.

Kerjaya profesion sebagai Pemandu Pelancong sememangnya sangat-sangat diperlukan dalam sektor pelancongan di negara ini.

Maka adalah penting bagi setiap Pemandu Pelancong yang berlesen memainkan peranan

dan tugas yang penting dalam memastikan maklumat yang ingin disampaikan adalah tepat dan mudah difahami.

Melalui perkhidmatan yang kompeten dan profesional setentunya akan dapat meningkatkan lagi mutu perkhidmatan yang diberikan selain daripada menjaga kualiti dan imej pelancongan di negara ini.

Memandangkan adanya keperluan dan permintaan tinggi bagi pemandu pelancong, Jabatan Kemajuan Pelancongan mempelawa para belia terutamanya yang sedang dan masih mencari pekerjaan untuk mengikuti kursus yang ditawarkan.

Pendaftaran kursus akan dibuka bagi penyertaan orang ramai dan kursus seterusnya akan diadakan pada bulan September 2024.

Untuk sebarang pertanyaan dan pendaftaran bolehlah menghubungi Laksamana College of Business.



PEMANGKU Setiausaha Tetap KSSUP, Dayang Hajah Dahliana semasa menyampaikan sijil kepada penerima.

Memastikan kebajikan alumni UNISSA terjaga



UNIVERSITI Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA), melalui Jawatankuasa Eksekutif Persatuan Alumni (JKEPA) UNISSA sesi 2023/2025 serta Pejabat Hal Ehwal Alumni (HEA) UNISSA semasa mengadakan acara pengagihan sumbangan bagi Program Jawlah Syawal : Alumni Donation Drive 2024.

GADONG, Sabtu, 6 April. - Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA), melalui Jawatankuasa Eksekutif Persatuan Alumni (JKEPA) UNISSA sesi 2023/2025 serta Pejabat Hal Ehwal Alumni (HEA) UNISSA, telah mengadakan acara pengagihan

sumbangan bagi Program Jawlah Syawal : Alumni Donation Drive 2024 pada Khamis, 4 April di kawasan pentadbiran UNISSA.

Hadir selaku tetamu kehormat ialah Rektor UNISSA, Dr. Awang Haji Norarfan bin Haji Zainal, juga

hadir sama penolong-penolong rektor, pegawai-pegawai utama, tenaga akademik, pegawai serta kakitangan dan ahli JKEPA UNISSA.

Acara dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah yang diketuai oleh Ketua Unit Pembangunan

■ Siaran Akhbar dan Foto :Universiti Islam Sultan Sharif Ali

Kemahiran dan Tarbiah (UPKT), Persatuan Alumni UNISSA, Awang Haji Ahmad Ahyad bin Haji Aymnoor, diikuti dengan ucapan ringkas daripada Yang Di-Pertua Persatuan Alumni UNISSA, Dr. Awang Muhammad Yadiy bin Haji Mat Yassin.

Acara diikuti dengan ucapan ringkas daripada Dr. Awang Haji Norarfan, dengan ucapan merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada penganjur Program Jawlah Syawal atas inisiatif berkenaan yang menjadi satu wadah dalam membantu dan memastikan kebajikan dan kemaslahatan para alumni UNISSA terpelihara dengan baik.

'Jawlah Syawal : Alumni Donation Drive', merupakan sebuah program tahunan yang dikendalikan oleh JKEPA UNISSA.

Program tersebut bertujuan untuk memelihara kebajikan dan meringankan bebanan antara kalangan alumni UNISSA serta bagi memudahkan urusan penyungkaihan sepanjang menunaikan ibadah puasa di bulan Ramadan dan menyambut bulan Syawal yang akan menjelang tiba.

Selain itu, program tersebut juga bertujuan untuk mencapai

matlamat pembangunan mampan (SDG) yang pertama iaitu 'sifar kemiskinan' di antara kalangan komuniti dan masyarakat Negara Brunei Darussalam.

Program berkenaan menyaksikan penyampaian barangan sumbangan yang merupakan hasil daripada kutipan derma wang tunai yang mencecah lebih dari BND1000 dan juga kutipan derma barangasasiyangberlangsungsejak Jumaat, 22 Mac sehingga Rabu, 3 April 2024.

Barangan sumbangan tersebut telah diagihkan kepada seramai 11 orang penerima yang terdiri dari alumni UNISSA di tiga daerah Negara Brunei Darussalam iaitu Daerah Brunei dan Muara, Daerah Tutong dan Daerah Belait.

Semoga dengan inisiatif ini dapat membantu meringankan para alumni UNISSA yang memerlukan bantuan dan dapat mencapai tujuan penubuhan Persatuan Alumni UNISSA iaitu antaranya adalah untuk memelihara kebajikan dan kemaslahatan para alumni UNISSA.

Adalah diharap agar program tersebut dapat dikendalikan secara berterusan di masa akan datang.

Perkasa wanita ceburi bidang keusahawanan

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 6 April. – Majlis Pelancaran Program Komuniti Wanita: Cook for Good telah diadakan oleh Jabatan Pembangunan Masyarakat (JAPEM), Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS) dengan kerjasama Pusat Pembangunan Belia (PPB), bersempena dengan Sambutan Hari Wanita Antarabangsa Tahun 2024, bertempat di Pusat Pembangunan Belia (PPB), Kampung Tanah Jambu.

Hadir bagi melancarkan program yang julung-julung kalinya diadakan itu ialah Ahli Majlis Mesyuarat

Negara, Yang Berhormat Dayang Hajah Safiah binti Sheikh Haji Abdul Salam.

Program Komuniti Wanita : Cook for Good ini sesuai dengan tema Hari Wanita Antarabangsa pada tahun ini iaitu Pelaburan Terhadap Wanita / Invest in Women: Accelerate Progress.

Pelaburan terhadap wanita boleh mengambil pelbagai bentuk, salah satunya adalah membina kemahiran yang boleh digunakan seumur hidup mereka.

Program ini bertujuan untuk memperkasa para wanita agar dapat memulakan perniagaan

dengan kemahiran memasak serta mempromosi dan menyokong kaum wanita secara inklusif dari segi keusahawanan dan seterusnya untuk membina keyakinan para peserta program memulakan perniagaan di bidang permakanan.

Seramai tujuh orang wanita yang terdiri daripada golongan sasaran JAPEM telah menyertai program ini.

Selain meningkatkan kemahiran dan keusahawanan di kalangan Wanita, program ini juga dihasratkan untuk mengalakkan para wanita menggunakan kemudahan Teknologi IT seperti Sosial Media Instagram sebagai salah satu kaedah / platform dalam kehidupan seharian termasuk mendapatkan menu-menu dari Chef Influencer yang terkenal.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah dan Doa Selamat yang dipimpin oleh Pembantu Perkembangan Ugama, PPB, Awang Mohammad Nabil bin Hj Roslan.

Acara diteruskan dengan pelancaran program oleh tetamu kehormat yang seterusnya dibawa untuk menyaksikan hasil hidangan makanan yang disediakan oleh para peserta.

Program ini dikendalikan oleh Penolong Tenaga Pengajar daripada PPB selaku fasilitator, Dayang Juraidah binti Haji Hamid dan Dayang Nur 'Aeidah binti Haji

Siaran Akhbar dan Foto : Jabatan Pembangunan Masyarakat



YANG Berhormat Ahli Majlis Mesyuarat Negara semasa hadir bagi melancarkan Program Komuniti Wanita : Cook for Good.

Kamis.

Dalam program ini, juga melibatkan beberapa menu yang diinspirasi dari resepi masakan viral, Khairul Aming iaitu seorang Chef Influencer terkenal di Malaysia.

Melalui kaedah platform sosial media, para peserta dapat mengikuti dan mempraktikkan pembelajaran mereka yang mana, insyaaAllah, akan dapat membantu dan membina keyakinan mereka untuk berjinak-jinak dan berkecimpung

dalam bidang keusahawanan.

Majlis diakhiri dengan penyampaian cenderahati dan sijil penghargaan oleh Tetamu Kehormat.

Turut hadir ialah Pemangku Pengarah Pembangunan Masyarakat, Dayang Fauziah binti Haji Mohd Salleh selaku Pengerusi Majlis; ahli-ahli Jawatankuasa Khas Institusi Keluarga, Wanita dan Kanak-Kanak, pegawai-pegawai kanan kerajaan dan rakan-rakan strategik KKBS.



YANG Berhormat semasa menyaksikan hasil hidangan makanan yang disediakan oleh para peserta yang berlangsung di Pusat Pembangunan Belia (PPB), Kampung Tanah Jambu.

MERAIH KEBERKATAN, KEMULIAAN RAMADAN



YANG Arif Hakim Mahkamah Rayuan Syariah hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Penutup Tadarus Al-Quran bulan Ramadan bagi Tahun 1445 Hijrah / 2024 berlangsung di Dewan Serbaguna Bangunan Mahkamah Besar Brunei dan Mahkamah-mahkamah Syariah (atas dan kanan).

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid

Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 6 April. - Meskipun bulan Syawal hampir tiba lebih kurang seminggu sahaja lagi, namun beberapa pihak tidak ketinggalan untuk mengaut gandaan pahala pada bulan penuh mulia ini, Ramadan.

Majlis Penutup Tadarus Al-Quran bulan Ramadan bagi Tahun 1445 Hijrah / 2024 Masihi juga dianjurkan oleh Mahkamah-mahkamah Syariah, Jabatan Kehakiman Negara, Jabatan Perdana Menteri, hari ini, yang berlangsung di Dewan Serbaguna, Bangunan Mahkamah Besar Brunei dan Mahkamah-mahkamah Syariah, di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat

majlis ialah Hakim Mahkamah Rayuan Syariah, Yang Arif Dato Seri Setia Awang Haji Johar bin Haji Muhamad, selaku Pemangku Ketua Hakim Syarie.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah yang dipimpin oleh Yang Arif Dato Seri Setia Awang Haji Johar diikuti dengan bacaan surah-surah lazim beramai-ramai. Sementara itu, bacaan Takhtim dibawakan oleh Pemangku Hakim Mahkamah Rendah Syariah, Awang Abdul Hadi bin Ali.

Majlis kemudiannya diikuti dengan bacaan Doa Peliharakan Sultan oleh Hakim Mahkamah Syariah, Haji Ali Bolkiah bin Haji Md.



Dia dan seterusnya bacaan Doa Selamat oleh Hakim Mahkamah Rendah, Awang Haji Kaharuddin bin Mohd. Ali.

Majlis berkenaan juga diselenggarakan dengan penyampaian sumbangan kepada kakitangan Mahkamah Syariah oleh tetamu kehormat sebagai persediaan menyambut Sambutan Hari Raya Aidilfitri nanti.

Seramai 57 orang kakitangan telah menerima sumbangan berkenaan dan seramai lapan orang

menerima sumbangan khas kepada anak-anak pegawai dan kakitangan dalam golongan tertentu.

Turut hadir pada majlis tersebut, Panel-panel Hakim Mahkamah Rayuan Syariah, Hakim-hakim Mahkamah Tinggi Syariah, Hakim-hakim Mahkamah Rendah Syariah, Pemangku Ketua Pendaftar Mahkamah Rayuan Syariah, Pemangku Pengarah Kehakiman Negara, Pendaftar-pendaftar, pegawai-pegawai dan kakitangan Mahkamah Syariah.

Majlis Penutup Tadarus Al-Quran bulan Ramadan merupakan aktiviti acara keagamaan tahunan Mahkamah Syariah di mana antara objektif majlis diadakan adalah untuk sama-sama menghayati dan mencintai bulan suci Ramadan yang penuh dengan nikmat kerahmatan dan keampunan dan keberkatan daripada Allah Subhanahu Wata'ala di samping mengeratkan lagi hubungan antara pegawai-pegawai dan kakitangan Mahkamah-mahkamah Syariah.

KHATAM AL-QURAN TERUS IMARAHKAN KEMULIAAN RAMADAN

Berita dan Foto : Pg. Vivy Malessa Pg. Ibrahim



TUTONG, Sabtu, 6 April. - Majlis Perundingan Kampung (MPK) Bukit Beruang dan Rancangan Perumahan Negara (RPN) Bukit Beruang dengan kerjasama Ahli Jawatankuasa Takmir Masjid Kampung Bukit

Beruang mengunyahkan Majlis Khatam Al-Quran pada lewat petang tadi. Hadir selaku tetamu kehormat pada majlis yang berlangsung di masjid berkenaan ialah Pemangku Pegawai Daerah

Tutong, Awang Mohammad Sofian bin Haji Basri. Turut hadir, Penghulu Mukim Telisai serta Ketua Kampung RPN Bukit Beruang Kawasan III, Ketua Kampung Telisai, Ketua Kampung Danau dan Pemangku



PEMANGKU Pegawai Daerah Tutong, Awang Mohammad Sofian bin Haji Basri hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Khatam Al-Quran di masjid berkenaan (atas). Manakala gambar kiri, antara yang hadir pada majlis tersebut.

Kampung RPN Bukit Beruang Kawasan I.

Terdahulu, bacaan Surah Al-Fatihah beramai-ramai yang dipimpin oleh Imam masjid tersebut, Awang Mohd. Aisamuddin bin Haji Saleman. Majlis diteruskan dengan bacaan Khatam Al-Quran, Doa Khatam dan Doa Allah Peliharakan Sultan.

Pada majlis itu, juga diselenggarakan dengan penyampaian derma kepada 50 anak yatim dan bantuan barang keperluan asasi sempena Hari Raya Aidilfitri kepada 12 orang penerima. Majlis diakhiri dengan berbuka puasa bersama para hadirin termasuk anak-anak yatim dan kemudian menunaikan Sembahyang Fardu Maghrib Berjemaah.

Majlis Tahlil anjuran MRSB semarakkan bulan Ramadan



Oleh : Nooratini Haji Abas
Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi

SUNGAI AKAR, Ahad, 7 April. - Jawatankuasa Takmir Masjid Rashidah Sa'adatul Bolkiah (MRSB) Kampung Sungai Akar lewat petang tadi menganjurkan Majlis Tahlil MRSB Kampung Sungai Akar bertempat di MRSB berkenaan, di sini.

Hadir ialah Ketua Kampung Sungai Akar Kawasan 1, Awang Haji Zailani bin Haji Abd. Malik.

Majlis Tahlil dipimpin oleh Imam MRSB, Awang Muhd. Helmy bin Haji Jamil, manakala doa dibacakan oleh Imam masjid tersebut, Awang Muhd. Farhanuddin bin Haji Hassan.

Acara juga diteruskan dengan penyampaian derma kepada seramai 66 orang penerima pada tahun ini iaitu 38 anak yatim dan 28 orang kurang berkemampuan yang



KETUA Kampung Sungai Akar Kawasan 1, Awang Haji Zailani bin Haji Abd. Malik semasa hadir pada majlis berkenaan dan seterusnya menyampaikan sumbangan kepada para penerima (kiri). Manakala gambar atas dan kanan, sekitar suasana pada majlis berkenaan.

disampaikan oleh Ketua Kampung Sungai Akar Kawasan 1, Awang Haji Zailani.

Sumbangan tersebut adalah daripada Tabung Anak-Anak Yatim dan Orang Kurang Berkemampuan MRSB Kampung Sungai Akar yang dibukakan sepanjang bulan Ramadan ini.

Majlis yang merupakan acara tahunan itu juga diselenggarakan dengan berbuka puasa dan Sembahyang Fardu Maghrib Berjemaah.



RAIH KEBERKATAN, TINGKATKAN AMALAN DI BULAN RAMADAN

Oleh : Khartini Hamir
Foto : Hernie Suliana Haji Othman

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 7 April. - Persatuan Siswazah Wanita Negara Brunei Darussalam (PSW) sekali lagi dengan kerjasama Ahli Jawatankuasa Takmir Masjid Ash-Shaliheen untuk Ahad terakhir bulan Ramadhan 1445 Hijrah dengan rasa bersyukur telah

mengadakan Majlis Ilmu/Tazkirah Ramadhan Mubarak bertajuk 'Ramadhani Vs Rabbani'.

Acara mengambil tempat di Masjid Ash-Shaliheen, Jalan Perdana Menteri, di sini.

Majlis tersebut dilaksanakan untuk menjadi platform yang bermakna bagi Ahli Muslimah menghadiri ceramah ilmiah disampaikan oleh Penolong

Profesor Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa, UNISSA, Dr. Hajah Umami Fa'izah Haji Abdul Rahman.

Tema 'Ramadhani Vs Rabbani' akan menyoroti perbezaan antara aspek ritualistik dan spiritualitas dalam menjalani ibadah Ramadan, serta memberikan inspirasi kepada peserta untuk memperkuat hubungan mereka dengan Allah Subhanahu Wata'ala

dan meningkatkan kualiti ibadah mereka.

Selain ceramah ilmiah, acara itu juga menyediakan ruang untuk sesi soal jawab yang interaktif.

Sejurus itu majlis diteruskan secara berjemaah membaca Surah Yaa Siin, Ratib Al-Attas & Tahlil dipimpin oleh Tenaga Pengajar Al-Quran Bertauliah Majlis Ugama Islam Brunei, Dayang Nur Haziqah binti Haji Awang Mohd Taha.

Majlis diakhiri dengan Solat Fardu Zuhur Berjemaah di masjid berkenaan.

Acara berkenaan dihadiri oleh beberapa Ahli PSW, Ahli Jawatankuasa Tadbir Majlis Wanita dan ahli-ahli persatuan di bawah Majlis Wanita, Ahli Kumpulan Muslimah Masjid / Surau / Balai Ibadah serta Ahli Muslimah BASMIDA.

Selain mendalami ilmu agama, peserta juga dijemput untuk menyumbang bagi rakyat Palestin



CERAMAH ilmiah disampaikan oleh Penolong Profesor Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa, UNISSA, Dr. Hajah Umami Fa'izah Haji Abdul Rahman (atas).

di Gaza melalui tabung yang disediakan semasa majlis. Segala sumbangan akan diserahkan kepada Urus Setia Tabung Kemanusiaan Rakyat Palestin di Gaza, JAPEM pada 18 Julai 2024.

Justeru adalah diharapkan kehadiran semua dalam majlis ini akan menambahkan keberkatan dalam bulan Ramadan ini dan menjadi sebab untuk mendapat keberkatan yang berterusan.

Bina semangat kepedulian, solidariti



PERSATUAN Siswazah Wanita NBD dengan kerjasama Imam dan Ahli Jawatankuasa Takmir Masjid Kampung Binutan mengadakan Program 'Santunan Kasih: Bingkisan Ramadhan' bertempat di Masjid Kampung Binutan (atas, bawah kiri dan bawah kanan).

Siaran Akhbar dan Foto : Persatuan Siswazah Wanita NBD

TUTONG, Ahad, 7 April. - Persatuan Siswazah Wanita NBD (PSW) dengan kerjasama Imam dan Ahli Jawatankuasa Takmir Masjid Kampung Binutan semalam mengadakan Program 'Santunan

Kasih : Bingkisan Ramadhan' bertempat di Masjid Kampung Binutan, di sini.

'Santunan Kasih : Bingkisan Ramadhan' bertujuan untuk membina semangat kepedulian

dan kesolidaritan dalam komuniti, terutamanya semasa bulan suci Ramadan, di mana seramai 50 jemaah termasuk beberapa keluarga yang berkeperluan hadir dalam acara tersebut.

Acara dimulakan dengan bacaan Surah Yaa Siin dan Tahlil, diikuti dengan berbuka puasa dan Solat Fardu Maghrib Berjemaah.

Program 'Santunan Kasih : Bingkisan Ramadhan' adalah acara-acara Berbuka Puasa yang PSW adakan di beberapa buah masjid, surau atau balai ibadat yang terpilih sepanjang bulan Ramadhan setiap tahun.

Ia diharap akan dapat memeriahkan lagi bulan Ramadan dengan lebih mendalam, sekali gus mempererat ikatan silaturahim dalam kalangan hadirin, dan semoga acara ini akan memberikan kesan dan impak yang bermakna kepada semua yang hadir.



Kanser Kolorektal

Kanser kolorektal adalah kanser no. 1 di kalangan lelaki dan no. 2 di kalangan wanita di Negara Brunei Darussalam.

Lelaki
Wanita

Kanser Kolorektal adalah penyebab bagi 22% kanser lelaki dan 12% kanser wanita

Faktor Risiko:

- Lelaki mempunyai risiko yang lebih tinggi dari wanita.
- Mempunyai ahli keluarga yang menghidap kanser kolorektal.
- Pernah menghidap kanser kolorektal.
- Berat badan yang berlebihan.
- Merokok.
- Tidak aktif.
- Diet yang rendah serat dan tinggi lemak.
- Meminum minuman keras yang berlebihan.

Langkah Pencegahan:

- Tidak merokok.
- Perbanyakkan memakan buah-buahan dan sayur-sayuran.
- Elakkan meminum minuman keras.
- Meningkatkan aktiviti fizikal.
- Pengesanan awal untuk kanser kolorektal.

Tanda-tanda kanser kolorektal:

- Perubahan dalam pergerakan usus.
- Darah dalam najis.
- Sakit perut yang berpanjangan.
- Kembung perut.
- Kurang selera makan.

PENGESANAN AWAL DAPAT MENYELAMAT NYAWA

Santunan Kasih

Untuk maklumat lanjut mengenai Program Pemeriksaan Kanser Kolorektal, sila layari www.ppkk.gov.bn





Jabatan Kemajuan Pelancongan
Kementerian Sumber-Sumber
Utama Dan Pelancongan

Bilangan Tawaran:
JKP / SH / 2024 – 2025 / 02

Tajuk Tawaran:
Ground Handling Services :
To Provide Familiarisation Trip
Services For Singapore Agents, 29
April 2024 - 3 May 2024

Tarikh Tutup Tawaran:
Khamis,
18 April 2024,
Jam 2.00 Petang



Tawaran Jabatan Daerah Belait
Kementerian Hal Ehwal Dalam
Negeri

Bilangan Sebut Harga:
JDB / 02 / 2024

Nama Sebut Harga:
Sebut Harga Penyewaan Bas
Selama 3 Tahun

Yuran Sebut Harga:
BND10.00
(tidak dikembalikan)

Tarikh Tutup Sebut Harga:
Selasa,
30 April 2024,
Jam 2.00 Petang



Jabatan Daerah Temburong
Kementerian Hal Ehwal Dalam
Negeri

Jawatan Kosong Sebagai

PENGHULU MUKIM TINGKAT III
- PMKK.4
(BND3,880 - BND4,240)

Bagi Daerah Temburong

Penghulu Mukim Zon 2

**Tatacara Menghadapkan Borang
Pencalonan:**

Keterangan lanjut dan borang
pencalonan boleh didapati dan
dikembalikan ke alamat seperti
berikut: -

Unit Pentadbiran,
Bahagian Institusi Penghulu
Mukim dan Ketua Kampung
Jabatan Daerah Temburong
Negara Brunei Darussalam

Tarikh Tutup mengembalikan
borang pencalonan adalah pada
Sabtu, 16 Zulkaedah 1445
bersamaan 25 Mei 2024, jam 4.00
Petang.

Sebarang pertanyaan bolehlah
menghubungi melalui talian +673
5221266 / 265 ext 116 / 118 / 119
atau +673 5221110.

Mukim-Mukim Tadahan Jawatan
Kosong Bagi Penghulu Mukim
Zon 2, Daerah Temburong: -

- Mukim Bokok
- Mukim Amo



Jabatan Daerah Temburong
Kementerian Hal Ehwal Dalam
Negeri

Jawatan Kosong Sebagai

Ketua Kampung Tingkat I
PMKK.3
(BND2,270 - BND4,240)

Atau

Ketua Kampung Tingkat II
PMKK.2
(BND1,990 - BND2,970)

Atau

Ketua Kampung Tingkat III
PMKK.1
(BND1,280 - BND2,270)

bagi

Daerah Temburong

1. Kampung Belingos,
Mukim Bangar
2. Kampung Selangan,
Parit dan Biang
Menengah, Mukim Amo
3. Kampung Selapon,
Mukim Batu Apoi

**Tatacara Menghadapkan Borang
Pencalonan:**

Keterangan lanjut dan borang
pencalonan boleh didapati dan
dikembalikan ke alamat seperti
berikut:-

Unit Pentadbiran,
Bahagian Institusi Mukim dan
Kampung
Jabatan Daerah Temburong
Kementerian Hal Ehwal Dalam
Negeri
Negara Brunei Darussalam

Tarikh Tutup mengembalikan
borang pencalonan adalah pada
Sabtu, 16 Zulkaedah 1445
bersamaan 25 Mei 2024, jam 4.00
Petang.

Sebarang pertanyaan bolehlah
menghubungi melalui talian +673
5221266 / 265 ext 116 / 118 / 119
atau +673 5221110.

**Kampung-Kampung Tadahan
Jawatan Kosong Ketua-Ketua
Kampung, Daerah Temburong**

1. Ketua Kampung Belingos,
Mukim Bangar
• Kampung Belingos
• Pekan Bangar
• Kampung Subok
• Kampung Bang Bulan
• Kampung Lagau
• Kampung Piungan
2. Ketua Kampung
Selangan, Parit Dan Biang
Menengah, Mukim Amo
• Kampung Selangan
• Kampung Parit
• Kampung Sibulu
• Kampung Biang
Menengah
• Kampung Belaban
3. Ketua Kampung Selapon,
Mukim Batu Apoi
• Kampung Selapon
• Kampung Lamaling
• Kampung Sekuroop
• Kampung Rebada
• Kampung Simbatang



Iklan Tarikh Lanjutan

Bilangan Tawaran :
JBBSB / LTK / 2023-2024 / 09 /
UPA

Nama Tawaran :



Penyewaan Bangunan
Pasar Terhad,
Jalan Teraja Bandar Seri Begawan

Tarikh Tutup Tawaran :
Selasa, 9 April 2024



Perintah Acara Mal
Mahkamah-Mahkamah Syariah
2005

Saman Gantian
Dalam Mahkamah Rendah
Syariah
Di Daerah Brunei dan Muara,
Negara Brunei Darussalam

Saman No. :
BM / MRS / P012A / P012A / 0103
/ 01-2024

Kes Induk :
BM / MRS / MAL-B / MAL-B /
S010A / 0102 / 01-2024

Antara

Pengiran Jalita binti Pengiran
Haji Tuah
- Plaintiff / Pemohon

Dan

Abdul Rahman bin Taha
- Defendan / Responden

Kepada : Abdul Rahman bin
Taha, No. Kad Pintar : 00-001098
[kuning], beralamat [alamat
terakhir]:- No. 21, Simpang
284, Kampung Lambak, Jalan
Pasir Berakas, Negara Brunei
Darussalam.

Kamu adalah dengan ini disaman
supaya hadir secara sendiri atau
melalui Peguam Syarie kamu di
hadapan Mahkamah Rendah
Syariah di Daerah Brunei dan
Muara pada Rabu, 8 Syawal
1445H bersamaan 17 April
2024M pada jam 10.00 Pagi untuk
menjawab tuntutan terhadap kamu
oleh plaintif yang dinamakan diatas

bagi Tuntutan Cerai Fasakh.

Sila ambil perhatian bahawa jika
kamu ingkar hadir di mahkamah
pada hari dan masa yang
ditetapkan, Mahkamah boleh
meneruskan untuk mendengar dan
memutuskan kes tanpa kehadiran
kamu.

Dan sila ambil perhatian bahawa jika
kamu ingin membela diri terhadap
tuntutan tersebut, kamu hendaklah
memfailkan di Mahkamah ini dan
menyampaikan kepada Plaintiff
suatu pembelaan dalam Borang
yang ditetapkan sebelum tarikh
yang disebut di atas atau hadir di
Mahkamah pada tarikh itu.

Bertarikh :
23 Syaaban 1445H / 4 Mac 2024M

Meterai
Mahkamah Rendah Syariah
Daerah Brunei dan Muara
Negara Brunei Darussalam



Jabatan Penerbangan Awam
Kementerian Pengangkutan
Dan Infokomunikasi
Negara Brunei Darussalam

Tajuk Sebut Harga :
Supply And Commissioning For
Replacement Of DCA Network
Equipments At ATSC FCR
Equipment Room And Related
Wireless Access Points

Rujukan Sebut Harga:
ADMIN / 2024-2025 / SH-08

**Dokumen Sebut Harga bolehlah
diperoleh :**

Kaunter Seksyen Kewangan
Aras Bawah
Bangunan Ibu Pejabat Jabatan
Penerbangan Awam
Bandar Seri Begawan BB2513
Negara Brunei Darussalam

Harga yuran dokumen:
BND5.00 setiap satu (01) dokumen
sahaja
(Yuran tidak akan dikembalikan)

**Tarikh tutup menghantar
dokumen Sebut Harga:**
Rabu,
17 April 2024,
Jam 2.00 Petang

**Tempat menghantar dokumen
Sebut Harga:**
Peti Sebut Harga
Aras Bawah
Bangunan Ibu Pejabat
Jabatan Penerbangan Awam
Bandar Seri Begawan BB 2513
Negara Brunei Darussalam



BIBD KOMITED TERHADAP KESELAMATAN PELANGGAN

Siaran Akhbar : Bank Islam Brunei Darussalam

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 8 April. - Siaran akhbar ini berfungsi sebagai perkongsian maklumat lanjut kepada pengumuman yang dibuat oleh BIBD pada 2 April 2024. Sebagai susulan kepada komunikasi terdahulu ini, BIBD ingin menjelaskan perkara berikut.

Bagi pemegang akaun yang hanya mempunyai akaun buku simpanan (tanpa mempunyai BIBD NEXGEN *online banking facility*), pemindahan dalam talian adalah mustahil untuk dilakukan tanpa kemudahan perbankan dalam talian.

Apabila pemegang akaun memohon dan diberikan Kad Debit, mereka juga akan menerima PIN rahsia, yang hanya diketahui oleh pemegang akaun itu sendiri. Kakitangan BIBD tidak mempunyai akses kepada butiran kod PIN tersebut.

Setelah itu, jika pemegang akaun memohon dan mendaftar BIBD NEXGEN *online banking facility*, semasa pendaftaran, pemegang akaun akan menerima pengesahan tambahan melalui One-Time-Password (OTP) yang dihantar sebagai SMS ke nombor telefon yang berdaftar milik pemegang akaun itu sendiri.

Semasa pemegang akaun ingin *log masuk* dalam BIBD NEXGEN *online banking facility*, pemegang akaun akan diperlukan untuk memasukkan nama pemegang akaun, kata laluan dan PIN rahsia yang hanya diketahui oleh pemegang akaun itu sendiri. PIN rahsia tersebut adalah sama dengan PIN rahsia Kad Debit milik pemegang akaun itu sendiri. Oleh itu, pemindahan dalam talian hanyalah dapat dibuat oleh pemegang akaun itu sendiri memandangkan segala butiran

untuk *log masuk* dalam BIBD NEXGEN *online banking facility* hanyalah diketahui oleh pemegang akaun itu sendiri.

Seperti yang digariskan dalam pengumuman sebelum ini, BIBD ditadbir oleh peraturan kerahsiaan pelanggan yang sangat terkawal, menghadkan keupayaan Bank untuk mendedahkan maklumat dan butiran kes yang mungkin berkaitan dengan aktiviti jenayah, penipuan atau menyalahi undang-undang. Sebagai contoh, Perintah Pemulihan Aset Jenayah (Pindaan) 2023 memberi mandat kepada BIBD untuk melaksanakan perlindungan yang mencukupi bagi memastikan kerahsiaan maklumat yang dikongsi, termasuk langkah-langkah untuk mencegah *tip-off*. Sehubungan itu, pihak BIBD dihadkan untuk mengongsikan apa-apa jua maklumat atau butiran mengenai mana-mana kes yang sedang aktif dalam siasatan.

Sebagai sebuah bank yang penting dari aspek sistemik di Negara Brunei Darussalam, BIBD komited untuk meningkatkan kestabilan kewangan negara dan menjamin keselamatan semua deposit pelanggan pada setiap masa. Memandangkan peranan dan status penting BIBD sebagai bank terbesar Brunei, penyebaran khabar angin yang tidak berasas, tuduhan, fitnah atau catatan media sosial yang tidak bertanggungjawab boleh menyebabkan kebimbangan awam yang tidak wajar atau menjejaskan keyakinan orang ramai dan memberi kesan yang boleh memudaratkan kestabilan sistem kewangan. Pihak BIBD menekankan bahawa penyebaran laporan atau kenyataan palsu yang mungkin menjejaskan ketenteraman awam boleh menjadi kesalahan di

bawah Akta Ketenteraman Awam (Bab 148).

BIBD berhak untuk mengambil tindakan undang-undang terhadap pihak-pihak yang bertanggungjawab atas perbuatan tersebut. Laporan atau kenyataan yang tidak disahkan akan menjejaskan reputasi mana-mana bank. Memandangkan BIBD dikawal selia oleh Brunei Darussalam Central Bank (BDCB), dan dinilai oleh Standard and Poor's, pihak BIBD mengekalkan tadbir urus korporat dan rangka kerja pengurusan risiko yang ketat untuk menguruskan operasi hariannya.

Dalam pada itu, BIBD terus komited untuk melaksanakan langkah-langkah keselamatan dan bekerjasama dengan agensi-agensi penguatkuasaan undang-undang di Negara Brunei Darussalam untuk menjalankan siasatan yang komprehensif. Keberkesanan kerjasama ini telah diketengahkan dengan penangkapan 7 individu yang dikaitkan dengan sindiket penipuan telefon, seperti yang dilaporkan oleh Borneo Bulletin pada 13 Jun 2023. Pencapaian tersebut membuktikan dedikasi BIBD dan agensi-agensi penguatkuasaan undang-undang untuk melindungi keselamatan dan integriti ekosistem kewangan Brunei.

Dalam usaha berterusan BIBD untuk memahami dan mengurangkan risiko, pihak bank telah sebagai misalan menerima aduan daripada para pelanggan mengenai kes-kes pemindahan dana tanpa kebenaran yang tergolong seperti kategori utama berikut, tanpa merujuk kepada mana-mana kes tertentu:

(a) Akses tanpa kebenaran: Penggunaan pemindahan dalam talian memerlukan butiran pemegang akaun (*user credentials*), kata laluan dan PIN

rahsia yang hanya diketahui oleh pemegang akaun itu sendiri. Akses tanpa kebenaran yang dilaporkan oleh pemegang akaun mungkin berlaku disebabkan oleh perkara-perkara berikut: i. Pemegang akaun telah mengongsikan butiran *log masuk* mereka dengan orang yang dipercayai (rakan atau ahli keluarga) yang kemudian menggunakan butiran tersebut untuk melakukan pindahan dana tanpa kebenaran yang dilaporkan oleh pemegang akaun tersebut; atau, pemegang akaun telah diperdaya untuk mendedahkan butiran *log masuk* mereka, termasuk One-Time-Password, kepada *scammer* yang kemudian mengakses perbankan mudah alih mereka untuk melakukan pemindahan dana. Ini boleh juga disebabkan oleh pelanggan yang mengklik pautan yang tidak diketahui, e-mel *phishing* atau perisian hasad (*malware*) di telefon bimbit mereka, dan sebagainya.

(b) Pengambilalihan Akaun: Pengambilalihan akaun boleh berlaku dengan pengetahuan pemegang akaun itu sendiri di mana pemegang akaun tersebut telah 'meminjamkan/menyewakan' akaun mereka dan mendedahkan butiran *log masuk* mereka kepada pihak ketiga. Pihak ketiga tersebut kemudian menggunakan butiran tersebut bagi aktiviti penipuan seperti *money laundering*. Apabila pihak ketiga mendapatkan butiran pemegang akaun melalui peraturan 'pinjaman/penyewaan' mereka, pihak ketiga tersebut boleh mengubah kata laluan atau butiran *log masuk*, menghalang pemegang akaun untuk mengakses akaun mereka sendiri.

(c) Pemegang akaun adalah tidak boleh memberi kebenaran kepada pihak ketiga untuk menggunakan,

mengurus, atau mengendalikan akaun BIBD mereka, seperti yang ditetapkan dalam terma dan syarat yang dipersetujui semasa pendaftaran atau pembukaan akaun. Walaupun perbuatan ini mungkin dilihat sebagai tidak berbahaya, kesannya boleh menyebabkan akaun yang disewa digunakan untuk aktiviti haram.

Beberapa kes yang dilaporkan juga disebabkan oleh pemegang akaun telah menjalankan transaksi berikut:

(a) jual beli barangan dari platform media sosial (seperti laman sesawang, WhatsApp, TikTok, Facebook, Telegram) di mana pemegang akaun dengan rela hati memindahkan dana sebagai wang pendahuluan (*deposit*) atau pembayaran penuh kepada penjual (pihak ketiga) untuk menjamin pembelian mereka. Mereka kemudian mendapati bahawa mereka telah ditipu apabila barangan yang dijanjikan tidak tiba, atau barangan tersebut tidak seperti yang dinyatakan semasa proses pesanan.

(b) Pulangan pelaburan yang lumayan. Ini melibatkan menawarkan produk pelaburan kepada pemegang akaun yang menjanjikan pulangan yang besar dalam tempoh yang singkat. BIBD menasihatkan pemegang akaun supaya sentiasa tekun dan berwaspada dengan memastikan bahawa produk pelaburan yang ditawarkan adalah daripada entiti yang dilesenkan oleh Brunei Darussalam Central Bank (BDCB), bagi mengelakkan kerugian kewangan. Jenis penipuan ini sering dipromosikan melalui platform media sosial dan bersandarkan sokongan palsu daripada pelanggan lain yang kononnya telah mendapat keuntungan daripadanya.

>> Muka 19

Lindungi aset digital awda dengan UNN.

DDoS Defence Service

Lindungi kesalinghubungan Internet pejabat awda daripada Serangan DDoS.

Vulnerability Assessment Service

Kenal pasti kelemahan Peranti Menghadapi Internet pejabat awda.

Pentest as a Service (PtaaS)

Kenal pasti kelemahan dalam Aplikasi Web dan Mudah Alih Perniagaan awda.

Internet



Imbas kod QR untuk maklumat lanjut



Pejabat



unn.com.bn



unn.bn



Unified National Networks (UNN)



PROGRAM MENINGKATKAN PENGHAYATAN RAMADAN

Siaran Akhbar dan Foto : Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 6 April. - Program Nur Ramadan 1.0 anjuran Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB) melalui Nadi Al-Qawi Al-Amin di bawah pengendalian Fakulti Pendidikan Sains Kemasyarakatan yang bermula pada 3 Ramadan 1445 Hijrah bersamaan 14 Mac 2024 Masihi yang lalu menutup tirainya hari ini dalam Majlis Penutup Program Nur Ramadan 1.0 bertempat di Jame' 'Asr Hassanil Bolkiah.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis dalam majlis penutup program berkenaan ialah Dekan Fakulti Pendidikan Sains Kemasyarakatan KUPU SB selaku Penasihat Nadi Al-Qawi Al-Amin, Profesor Madya Dr. Muhd. Shahril bin Ahmad Razimi.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah yang diketuai oleh tetamu kehormat majlis dan diteruskan dengan bacaan surah-surah lazim serta Tahlil dan Takhtim beramai-ramai.

Majlis dilanjutkan dengan ucapan

alu-aluan daripada Pengerusi Majlis, Ketua Unit Kerohanian dan Keagamaan Nadi Al-Qawi Al-Amin, Awang Mohammad Ahmad Mahee bin Haji Samry. Acara dilanjutkan dengan Dikir Marhaban dan seterusnya bacaan Doa Khatam serta seterusnya Maidah Ar-Rahman iaitu Iftar Jama'ie bersama jemaah masjid serta Sembahyang Tarawih Berjemaah.

Dalam ucapan alu-aluan pengerusi majlis menjelaskan bahawa program yang dianjurkan bermatlamat untuk menyemarakkan dan menghidupkan lagi bulan Ramadan yang penuh keberkatan, memupuk dan meningkatkan penghayatan bulan Ramadan serta mengeratkan lagi hubungan ukhuwah sesama warga KUPU SB dan masyarakat awam.

Antara pengisian dalam program berkenaan termasuk Tadarus Al-Quran Nadi Al-Qawi Al-Amin,



MAJLIS Penutup Program Nur Ramadan 1.0 bertempat di Jame' 'Asr Hassanil Bolkiah.

Program Mukhayyam Islamiy di Kampung Melilas yang diadakan pada 23 hingga 24 Mac 2024 dan Program Nur Ramadan 1.0 : Belia Mardhatillah diadakan pada 18 Ramadan 1445H bersamaan 29 Mac 2024M hingga 20 Ramadan.

Kemudian Majlis Khatam Al-Quran dan Penutup Rasmi Program Nur Ramadan 1.0 yang telah berlangsung hari ini. Program-program tersebut disertai oleh kira-kira 100 belia dan jemaah majlis.



IFTAR Jama'ie bersama jemaah masjid pada majlis tersebut.

AKSE Bersatu anjur Majlis Tahlil, Doa Arwah



PENGHULU Mukim Zon 2, Kampong Ayer, Awang Raimi bin Awang Rashid semasa menyampaikan sumbangan kepada penerima.

Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi
Foto : Ihsan AKSE Bersatu Management

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 6 April. - Ramadan yang semakin berada pada penghujungnya terus dimanfaatkan dengan pelbagai aktiviti amal dan berkebajikan bagi meraih ganjaran yang berlipat ganda di dalam bulan yang penuh kemuliaan ini terutama sekali dalam berbagi rezeki bersama mereka yang memerlukan.

Sehubungan itu, AKSE Bersatu Management telah mengunyahkahkan Majlis Tahlil dan Doa Arwah buat kali kedua hari ini bertempat di kediaman Penghulu Mukim Zon 2, Kampong Ayer, di sini. Pada majlis berkenaan, pihak

penganjur menyantuni seramai 15 anak yatim di Kampung Setia 'A' dan 'B' dengan menghulurkan sumbangan derma dan barangan asasi.

Sumbangan berkenaan disampaikan oleh Penghulu Mukim tersebut, Awang Raimi bin Awang Rashid. Bacaan Tahlil dan Doa dipimpin oleh Guru Ugama Terlatih, Sekolah Menengah Chung Hwa, Awang Haji Hairol Haimi bin Haji Usop.

Pihak penganjur melahirkan penghargaan terima kasih terutama sekali kepada para dermawan para penduduk Kampung Setia 'A' dan

'B', AKSE Bersatu Management dan juga Intake 116 Angkatan Bersenjata Diraja Brunei.

Majlis berkebajikan tersebut tentunya khas buat kaum keluarga yang sudah kembali ke rahmatullah di samping sumbangan yang diberikan dapat meringankan beban dan memberikan keceriaan buat anak-anak yatim yang dalam merayakan lebaran Aidilfitri yang akan tiba sedikit masa saja lagi.

Juga hadir, Pemangku Ketua Kampung Zon 3 Kampong Ayer, Awang Rahman bin Haji Kassim; Pengarah Awang Mohamed Hazreen bin Pateh Dato Paduka Haji Masri dan Ahli-ahli AKSE Bersatu management.

Iftar Santai bersama Persatuan ABLE



MALAM Minggu Pusat Belia mengadakan Program Iftar Santai Bersama Persatuan ABLE bertempat di kawasan lapang berdepanan Masjid Omar 'Ali Saifuddin.

Berita dan Foto : Ihsan Malam Minggu Pusat Belia

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 6 April. - Bersempena bulan Ramadan yang mulia ini, Malam Minggu Pusat Belia (MMPB) telah mengadakan Program Iftar Santai Bersama Persatuan ABLE bertempat di kawasan lapang berdepanan Masjid Omar 'Ali Saifuddin, di ibu negara.

Seramai 30 orang Ahli Persatuan ABLE bersama ahli keluarga dan Ahli-ahli MMPB bersama keluarga hadir mengikuti Acara Iftar Santai. Majlis diisi dengan bacaan Tahlil kepada mereka yang telah kembali ke rahmatullah dan diikuti dengan menyaksikan tembakan meriam semasa berbuka puasa.

Tujuan majlis diadakan adalah untuk mengeratkan hubungan silaturahim bersama Ahli-ahli Persatuan ABLE di samping dapat memberikan sumbangan sedekah berbentuk makanan kepada mereka, serta memberikan pendedahan Ahli-ahli Persatuan ABLE pada orang ramai agar mereka dapat diterima dan dikasihi masyarakat.

Turut menyumbangkan sedekah makanan semasa berbuka ialah Syarikat Makan Ceria Sdn. Bhd. bersama Ahli-ahli MMPB.

سردله سروي

بولن رمضان بولن تربيه

جماعه يغ درحمي الله،

بر تقوى له كيت كحضرة الله ﷺ دغن منيغكنكن كليمانن كڤدان. سسغكوهن اورغ يغ قاليع ملبا دسيسى الله ﷻ اياه اورغ يغ قاليع بر تقوى. موده-مودهن كيت منجادي انسان يغ سستياس مغليغي الله ﷻ سنجانه و تعالى، براوله كحيان دان كسلامتن ددنيا دان جوك داخيره.

جماعه يغ درحمي الله،

بولن رمضان كيني مغهمقيري كفغهو جوغن. همقير سبولن سوده كيت منجالي عبادۀ ديولن رمضان يغ قنوه بركت دان رحمة اين دغن فلباكي عمل عبادۀ خصوصن كواجين قواس، مباح القرآن، ذكر، انفق هرتا سام اد صلقه اتو زكاة، ملازمي قيام الليل دغن ملقسناكن سمبيغ سنة تراويح، وتر دان سمبيغ-سمبيغ سنة يغ لايين. كسموان دلقسناكن دالم مياهو دان منجوجوغ سروان مبرتا قرينته الله ﷻ سنجانه و تعالى، سباكيما فرمانن دالم سورة البقرة آية ١٨٣:

وامي اورغ-اورغ يغ برلمان! دواجين كاتس كامو برفواس سباكيما دواجين اتس اورغ-اورغ يغ سبولم كامو سوفاي كامو بر تقوى.

سسوگكوهن تقوى مروفانن توجوان يغ منجادي اوكورن سام اد عبادۀ قواس كيت برحاصل اتو تيدق، باكيما قول دغن ايمان كيت دسمنج بولن رمضان اين؟ سموك كيت تيدق تركولوغ دكالغن اورغ يغ دكامبركن اوليه رسول الله ﷺ ملالوي حديث بكتدا يغ دروايتكن درقد ابو هريرة رضى الله عنه: رُبْ صَائِمٍ لَيْسَ لَهُ مِنْ صِيَامِهِ إِلَّا الْجُوعُ وَرُبَّ قَائِمٍ لَيْسَ لَهُ مِنْ قِيَامِهِ إِلَّا السَّهَرُ.

مقصودن:

براف رامي اورغ يغ برفواس تيدق مندافتكن فهران سلاين لافر، دان براف رامي اورغ يغ سمبيغ مالم تيدق مندافتكن فهران سلاين برجاك سمنجغ مالم. {حديث رواية امام ابن ماجه}

جماعه يغ درحمي الله،

بولن رمضان سباكي بولن تربيه تله مغاجر كن كيت صفة كتكوتن دان كتليتيان دالم برعبادۀ سام اد سجارا ظاهر اتو باطن. قواس يغ دجالي حقيقتن بوكن ها سقدر مناهن لافر دان داهك، اكن تتاي قواس ايت جوك مناهن هاتي دري صفة-صفة بوروق دان اًكوتا باذن دري فربواتن معصية دان دومنا.

بولن رمضان تله مغاجر كن كيت صفة-صفة كهيمان يغ ترفوجي سقرتي تواضع، خشوع دان اخلاص، برعمال عبادۀ ها دغن كليمانن دان مغهارفكن كنجارن درقد الله ﷻ سنجانه و تعالى، بوكن دغن توجوان يغ لايين سقرتي رياء اتو ساومقمان.

رمضان جوك مغاجر كيت منتنيكن وقتو اونتوق برعبادۀ دمان وقتو صبح دان مغرب منجادي فنندا باكي فرمولان دان فبوده كڤد عبادۀ قواس. ستياف اورغ اكن فكا دغن وقتو سحور دان وقتو بر بوكا. طبيعة منني دان برسديا اونتوق عبادۀ سقرتي اين سنهاروسن دفر كتيتكن دالم فلقسنان ستياف فكر جان هارين كيت. موده-مودهن كيت اكن ليه كوميتد دان فكا دغن ستياف كرجا-كرجا يغ كيت لاکوكن.

دغن برلالون رمضان دالم بيراف هاري سهاج لاكي، ماريله سام-سام كيت برعزم اونتوق منروسكن برعمل عبادۀ ديولن-بولن لايين سباكيما كيت

برعبادۀ ديولن رمضان، دغن ممفركمسكن عبادۀ يغ واجب دان ممفربايتكن عبادۀ يغ سنة. ديولن شوال يغ باكل منجغ اين، كيت تروسكن ملاكوكن عبادۀ سنة دغن ملاكوكن قواس اتم دمان فهران مياماي دغن قواس سمنجغ تاهون. قواس اتم اين بوليه دلاكوكن سجارا برتوروت-توروت اتو برسلاغ هاري. درقد ابو ايوب الأنصاري رضى الله عنه، رسول الله ﷺ برسبدا: مَنْ صَامَ رَمَضَانَ ثُمَّ أَتْبَعَهُ سَنًا مِنْ شَوَّالٍ كَانَ كَصِيَامِ الدَّهْرِ.

مقصودن:

بارغ سياف يغ برفواس فد بولن رمضان، كمودين دايكوتي دغن قواس اتم هاري فد بولن شوال، سالوه-اوله دي برفواس سمنجغ تاهون. {حديث رواية امام مسلم}

جماعه يغ درحمي الله،

دفعوجوغ رمضان اين جوك جاغلله دلوقانن كواجين ممباير زكاة فطره اونتوق ديرى سنديري دان جوك اونتوق اورغ-اورغ يغ برادا دباوه تىكوغن كيت. سسوگكوهن مغلوار كن زكاة ايت اداله ساله ساتو دري روكون اسلام يغ ليما يغ واجب كيت تونيكن. مغلوار كن زكاة ايت حكومن واجب كاتس ستياف اورغ اسلام يغ منجوكوي شرط-شرطن، سام اد زكاة فطره اتو زكاة هرتا. اين جلس سقرتيما دالم سبواه حديث درقد ابن عمر رضى الله عنه يغ مقصودن: رسول الله ﷺ تله مفروضون زكاة فطره ديولن رمضان اتس ستياف اورغ مسلم، ياييت ساتو كتغ كورما اتو ساتو كتغ كندوم، سام اد مريكا اتو همبا، لاكي-لاكي اتو فرموان. {حديث رواية امام مسلم}

الحمد لله، دنكارا اين زكاة فطره بوليه كيت لقسناكن ملالوي عامل-عامل يغ دلانتين اوليه مجلس اكام اسلام بروني (MUIB) دان جوك قد ماس اين كموداهن باكي اورغ رامي اونتوق ممباير زكاة دافت دبوات سجارا ONLINE ملالوي DST E-ZAKAT, TAIB, BIBD QUICK PAY دان IMAGINE I-ZAKAT FITRAH. اوليه ايت، تيدق اد آلسن اونتوق تيدق دافت ملقسناكن كواجين ممباير زكاة فطره اين.

جماعه يغ درحمي الله،

دغن برلالون بولن رمضان بوكن برارتي اف يغ كيت لاکوكن ديولن رمضان اين توروت برأخير دان ترهنتي. سموك سكل عبادۀ دان عمل كياجقن يغ كيت لاکوكن دترتا اوليه الله ﷻ سنجانه و تعالى، دان سموك سمبونن هاري راي عبادالفطري قد تاهون اين اكن دفتوهي دغن راس كشكورن، ككمبيران، رحمة دان كريضان الله ﷻ سنجانه و تعالى، آمين يا رب العالمين.

مك لغتله كامو كڤد كو (دغن ملاكوكن سمبيغ، برذكر دان لايين-لاين فربواتن طاعة) نسجاي اكو اكن مغليغي كامو. دان برشكورله كڤد كو (دغن طاعة مغرجاكن سوروهنكو) دان جاغلله كامو مغلغكاريكو (دغن فربوات درهاك دان معصية). { سورة البقرة آية: ١٥٢ }

بَارَكَ اللَّهُ لَنَا فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنَا بِالْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ. وَتَقَبَّلْ مِنَّا تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ، وَأَسْتَغْفِرُكَ اللَّهُ الْعَظِيمُ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ فَاسْتَغْفِرُوهُ فَيَا فَوْزَ الْمُسْتَغْفِرِينَ وَبِإِجَابَةِ التَّائِبِينَ.

IMBASAN MINGGUAN

KEMENTERIAN Kewangan dan Ekonomi serta jabatan-jabatan di dalamnya mengadakan Majlis Sambutan Nuzul Al-Quran dan Penyampaian Derma kepada Anak-anak Yatim Kementerian Kewangan dan Ekonomi serta jabatan-jabatan di dalamnya Tahun 1445 Hijrah / 2024 Masihi, bertempat di Dewan Teater, Bangunan Kementerian Kewangan dan Ekonomi, Commonwealth Drive, Jalan Kebangsaan, di sini.

- Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas

PARA hadirin begitu khusyuk mendengarkan taklimat Program i-Usahawan Startup673 Fasa 1 - MOH Edition iaitu satu inisiatif bersama Kementerian Kesihatan dengan pihak Darussalam Enterprise (DARE), Shell LiveWIRE Brunei, Pihak Berkuasa Industri Teknologi Info-Komunikasi Negara Brunei Darussalam (AITI) dan Brunei Innovation Lab (BIL).

- Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi

PERSATUAN Siswazah Wanita Negara Brunei Darussalam (PSW) saat hadir bagi mendengarkan Tazkirah Mingguan setiap pagi Ahad mulai Ahad pertama di bulan Ramadan tahun ini di Masjid Ash-Shaliheen, Kompleks Jabatan Perdana Menteri.

- Foto : Ak. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman

SEBAHAGIAN daripada anak-anak yatim yang hadir pada Majlis Memperingati Nuzul Al-Quran dan Penyampaian Derma Kepada Anak-anak Yatim bagi Tahun 1445 Hijrah / 2024 Masihi.

- Foto : Ak. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman

SEBAHAGIAN mereka yang menyertai Majlis Khatam Al-Quran sempena Penutup Tadarus Al-Quran bagi Tahun 1445 Hijrah / 2024 Masihi dan Penyampaian Derma Kepada Anak-anak Yatim Kampung Masin dan Bebatik Masin.

- Foto : Pg. Syi'aruddin Pg. Dauddin

PPNBD HULUR SUMBANGAN DERMA



PROJEK Jalinan Kasih yang dianjurkan oleh Pengakap Wanita PPNBD yang berlangsung di ibu Pejabat PPNBD (atas kiri). Manakala gambar atas kanan, Ketua Pesuruhjaya, PPNBD menyempurnakan penyampaian sumbangan kepada para penerima.

Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi
Foto : Ihsan Persekutuan Pengakap Negara Brunei Darussalam

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 6 April. - Ramadan bakal melabuh tirainya dalam sedikit masa lagi namun masyarakat kita terus berlumba-lumba untuk mengaut pahala berikutan kelebihan yang begitu hebatnya terdapat pada bulan puasa itu.

Justeru, Persekutuan Pengakap Negara Brunei Darussalam (PPNBD) juga tidak ketinggalan mengimarahkan bulan Ramadan Al-Mubarak ini dengan memberikan sumbangan derma kepada golongan kurang berkemampuan termasuk anak-anak yatim hari ini.

Projek Jalinan Kasih yang dianjurkan oleh Pengakap

Wanita PPNBD itu berpeluang menyantuni seramai 27 penerima daripada anggota persekutuan berkenaan iaitu seramai lima orang anak yatim, dua orang kurang upaya dan 19 orang mereka yang kurang berkemampuan telah diberikan sumbangan pada majlis yang berlangsung di Ibu Pejabat PPNBD, di sini.

Penyampaian sumbangan disempurnakan oleh Ketua Pesuruhjaya, PPNBD, Skip Awang Haji Junaidi bin Haji Hussin. Turut hadir, Pesuruhjaya Pengakap Daerah Brunei dan Muara, Awang Samsuddin bin Haji Ahmad serta pesuruhjaya-

pesuruhjaya pengakap, pesuruhjaya-pesuruhjaya pengakap daerah, pemimpin-pemimpin pasukan, para ahli-ahli pengakap serta jemputan khas.

Adapun projek sedemikian antara inisiatif PPNBD dan diharap dapat menjadi wadah untuk mempererat tali silaturahim dan kerjasama dalam amal kebajikan, serta memupuk sifat pemedulian ke arah membentuk keprihatinan demi kesejahteraan sesama masyarakat.

Semoga Allah Subhanahu Wata'ala memberkati setiap amal kebajikan yang dilakukan, dan semoga setiap sumbangan mendapat keberkahan serta ganjaran limpahan pahala dan rezeki yang berlipat ganda jua.



BIBD komited terhadap keselamatan pelanggan

Siaran Akhbar: Bank Islam Brunei Darussalam

>> Muka 15

(c) Jika transaksi di atas dilakukan oleh pemegang akaun itu sendiri (melalui kemudahan perbankan dalam talian menggunakan butiran log masuk mereka yang hanya diketahui oleh pemegang akaun itu sendiri), ianya dianggap sebagai transaksi yang sah antara pemegang akaun dengan pihak ketiga, dan di bawah kuasa pemegang akaun itu sendiri.

(d) Pemegang akaun yang telah menjadi mangsa penipuan sedemikian harus melaporkan kes mereka kepada pihak BIBD dan pihak berkuasa serta berkongsi laporan kejadian mereka kepada BIBD. BIBD kemudiannya akan membantu agensi penguatkuasaan undang-undang yang berkaitan untuk menjalankan siasatan lanjut.

(e) BIBD sentiasa dan akan terus mengukuhkan protokol yang ketat untuk melindungi akaun milik pemegang akaun BIBD daripada ancaman keselamatan. Dalam pada itu, BIBD ingin menekankan bahawa kepada pemegang akaun yang memberikan kebenaran kepada mana-mana pihak ketiga untuk menggunakan kad debit pemegang akaun itu sendiri atau melakukan pemindahan dalam talian melalui aplikasi BIBD NEXGEN dengan menggunakan butiran log masuk pemegang akaun itu sendiri adalah melanggar Terma dan Syarat BIBD dan boleh menjejaskan keselamatan akaun milik pemegang akaun tersebut.

BIBD ingin memberi jaminan kepada orang ramai bahawa platform perbankan mudah alih BIBD NEXGEN kami adalah selamat dan terjamin. BIBD mempunyai dasar toleransi sifar untuk penipuan, sama ada dilakukan oleh pihak luar atau orang dalaman. Memandangkan kes-kes pemindahan dana tanpa kebenaran yang digariskan di atas, pihak BIBD menggesa orang ramai untuk mengamalkan langkah-langkah keselamatan siber berikut untuk meningkatkan keselamatan aktiviti perbankan mereka iaitu;

(a) Jangan sesekali mendedahkan butiran peribadi: Sebagai syarat perkhidmatan BIBD, pemegang akaun dikehendaki menyimpan butiran log masuk mereka, termasuk nama pengguna dan kata laluan, dan PIN rahsia secara sulit dan tidak mengongsikannya dengan mana-mana pihak.

(b) Jangan mengongsikan kad debit dan pin rahsia: Pemegang kad debit dilarang mengongsikan kad debit dan PIN rahsia kepada mana-mana pihak, termasuk rakan atau ahli keluarga terdekat atau mana-mana kedai atau pengusaha 'sewa untuk dimiliki' ('Rent To Own'). Maklumat ini hendaklah dirahsiakan oleh pemegang kad.

(c) Jangan sewakan akaun atau benarkan orang lain mengakses perbankan mudah alih awda: Adalah menyalahi undang-undang untuk membenarkan orang lain menggunakan akaun dan kemudahan perbankan mudah alih awda. Pemegang akaun yang sah akan dipertanggungjawabkan atas sebarang aktiviti yang tidak dibenarkan atau menyalahi undang-undang yang disebabkan olehnya.

Sejak Mac tahun lalu, BIBD telah menambah baik platform mudah alihnya melalui kerjasama rapat dengan vendor sistemnya untuk meningkatkan ciri-ciri keselamatan platform. Kerjasama ini telah membolehkan pelancaran ciri perintis yang menggunakan telefon pemegang akaun sebagai faktor pengesahan kedua. Ciri ini sedang dilancarkan secara berperingkat. Ia memastikan bahawa hanya pengguna yang diberi kuasa boleh log masuk ke akaun perbankan mudah alih mereka, dengan itu menghalang akses oleh orang yang tidak dibenarkan.

Di samping itu, pada awal tahun ini, pihak bank BIBD memperkenalkan pemberitahuan dalam aplikasi (*in-app notification*) yang memaklumkan pengguna apabila pemindahan dana dilakukan dan menyatakan identiti penerima pemindahan. Untuk mengelakkan pemindahan dana yang salah oleh pemegang akaun, fungsi 'Favourite Transfer' juga telah diperkenalkan, di mana nama penerima dinyatakan dengan jelas sebelum pemindahan dana dilaksanakan.

BIBD menasihatkan para pemegang akaun untuk melindungi butiran akaun mereka dan tidak mengongsikan dengan sesiapa sahaja. BIBD ingin berterima kasih kepada semua pemegang akaun yang dihargai atas kefahaman dan kerjasama berterusan mereka. BIBD mengulangi komitmennya untuk memastikan keselamatan semua pemegang akaunnya, keselamatan wang simpanan mereka dan sistem kewangan keseluruhan Negara Brunei Darussalam. Dengan kerjasama agensi-agensi penguatkuasaan undang-undang yang berkaitan di Negara Brunei Darussalam, BIBD akan terus melaksanakan penyiasatan dan tindakan mengikut batas undang-undang dan peraturan yang telah ditetapkan. BIBD juga menggesa orang ramai untuk tidak mengulas mengenai siasatan yang sedang dijalankan atau membuat dakwaan, spekulasi, atau khabar angin yang tidak berasas, kerana tindakan ini boleh menjejaskan integriti siasatan yang sedang dijalankan.

Kumpulan SS79 hulus sumbangan kepada PAPDA

Oleh : Haniza Abdul Latif
Foto : Ihsan Kumpulan SS79



HADIR menyampaikan sumbangan tersebut selaku wakil Kumpulan SS79 ialah, Dayang Hajah Noridah binti Haji Abdullah, dan diserahkan kepada Timbalan Yang Di-Pertua Majlis Kesejahteraan Orang Kelainan Upaya (MKOKU); Awang Haji Noor Ishanuddin bin Haji Noor Kaseh yang berlangsung di sebuah hotel di ibu negara (atas dan kanan).

kepada Timbalan Yang Di-Pertua Majlis Kesejahteraan Orang Kelainan Upaya (MKOKU); Awang Haji Noor Ishanuddin bin Haji Noor Kaseh.

Kira-kira 80 ahli dan keluarga PAPDA serta ahli-ahli Kumpulan SS79 hadir ke majlis tersebut yang diteruskan dengan bacaan Tahlil dan Doa Selamat, dan disusuli dengan acara terbuka puasa.

Antara tujuan acara tersebut adalah untuk memupuk rasa empati dan sokongan kepada golongan kurang upaya serta merebut peluang sepanjang bulan yang mulia ini.

Dayang Hajah Noridah berkata, sumbangan hari ini adalah salah satu aktiviti berterusan yang dilakukan kumpulan SS79 dan yang lain ialah seperti menyampaikan barangan dan sumbangan wang tunai kepada fakir dan miskin.

Beliau dapat melakukan lebih banyak lagi acara seperti itu sepanjang tahun ini, yang akan memberi manfaat kepada pelbagai kategori komuniti.

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 6 April. - Persatuan Orang-orang Cacat Berkerusi Roda dan Orang-orang Cacat Anggota (PAPDA) baru-baru ini menerima sumbangan derma berjumlah BND1,400 pada Majlis Penyampaian yang berlangsung di sebuah hotel di ibu negara.

Sumbangan berupa wang itu disampaikan oleh Kumpulan SS79

iaitu kumpulan bekas pelajar-pelajar Maktab Sains Paduka Seri Begawan Sultan dari pengambilan tahun 1979, yang mana pada ketika itu maktab tersebut dikenali sebagai Maktab Melayu Paduka Seri Begawan Sultan/ Sekolah Sains.

Hadir menyampaikan sumbangan tersebut selaku wakil Kumpulan SS79 ialah, Dayang Hajah Noridah binti Haji Abdullah, dan diserahkan

MIFTAH AN-NUR GEMBIRAKAN 40 ANAK YATIM

Siaran Akhbar dan Foto : Sekolah Antarabangsa Islam Miftah An-Nur



BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 6 April. - Sekolah Antarabangsa Islam Miftah An-Nur dengan kerjasama Projek Feed baru-baru ini menganjurkan kempen amal yang menyentuh hati sepanjang bulan Ramadan bertujuan untuk membantu 40 orang anak yatim yang memerlukan.

Acara yang diadakan di kampus sekolah baharu Miftah An-Nur di Sungai Akar itu menghimpunkan para ibu bapa, kakitangan dan sukarelawan yang penuh

semangat kemurahan hati dan belas kasihan.

Ramadan Charity Drive itu menyaksikan sumbangan barangan makanan dan juga sumbangan kewangan daripada komuniti sekolah, menonjolkan komitmen untuk membuat sesuatu yang positif dalam kehidupan mereka yang kurang bernasib baik.

Pada majlis itu, Pengetua Eksekutif Sekolah Antarabangsa Islam Miftah An-Nur, Bilal Buttar menyampaikan ucapan

perasmian yang penuh inspirasi, menekankan kepentingan berbakti dan memanjangkan kebaikan sepanjang bulan Ramadan yang penuh keberkatan.

Beliau menyentuh satu hadis di mana dikatakan; *"Cintailah saudaramu sebagaimana kamu cintai untuk dirimu sendiri"*, menekankan kepentingan empati dan belas kasihan terhadap sesama manusia.

Setiap anak yatim mendapat sumbangan daripada penderma



SEKOLAH Antarabangsa Islam Miftah An-Nur dengan kerjasama Projek Feed menganjurkan kempen amal sepanjang bulan Ramadan (atas dan kanan).

yang terdiri daripada ibu bapa dan kakitangan sekolah berupa barangan keperluan makanan dan sokongan kewangan untuk membantu memenuhi keperluan asas mereka sebagai persediaan menyambut Aidilfitri.

Majlis tersebut diselenggarakan dengan Majlis Berbuka Puasa bersama, di mana semua orang berkumpul untuk berkongsi keberkatan bulan ini dan merenungkan kuasa belas kasihan dan perpaduan.

"Kami amat berterima kasih atas sokongan padu yang ditunjukkan oleh komuniti sekolah kami dan


rakan kongsi seperti Projek Feed.

"Bersama-sama, kita telah memberi impak yang bermakna kepada kehidupan anak-anak yang istimewa ini dalam menjiwai semangat Ramadan yang sebenar," kata Bilal Buttar.

Sekolah Antarabangsa Islam Miftah An-Nur kekal berdedikasi untuk memupuk budaya memberi, empati dan tanggungjawab sosial dalam kalangan pelajar dan pihak berkepentingan, memastikan nilai belas kasihan dan kemurahan hati terus berkembang melangkaui usaha amal ini.

GoMamam dekati pelajar berkeperluan khas, kurang berkemampuan

Siaran Akhbar dan Foto : GoMamam



GOMAMAM dengan sokongan Persatuan Pendidikan Khas (FITRAH) menghulurkan bantuan kepada lebih dari 5 pelajar dari sekolah Kampong Ayer yang berkeperluan khas dan kurang berkemampuan, terutamanya pada perayaan yang bakal menjelang, Hari Raya Aidilfitri (atas, atas kanan dan bawah).



BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 6 April. - Sebagai sebahagian daripada komitmennya untuk memberi kembali kepada masyarakat, GoMamam dengan bangganya menjalankan tugas mereka Inisiatif Tanggungjawab Sosial Korporat Ramadhan (CSR) bagi tahun 2024, baru-baru ini.

Tahun ini, GoMamam dengan sokongan Persatuan Pendidikan Khas (FITRAH) menghulurkan bantuan kepada lebih dari 5 pelajar dari sekolah Kampong Ayer yang berkeperluan khas dan kurang berkemampuan, terutamanya pada perayaan yang bakal menjelang, Hari Raya Aidilfitri.

Selaras dengan semangat bersedekah di bulan Ramadan yang mulia ini, GoMamam menghulurkan sumbangan berupa bantuan sokongan untuk meringankan beban harian mereka.

Bantuan itu termasuk keperluan makanan, barangan sekolah, barang keperluan harian, peti sejuk dan cermin mata.

"Kami amat komited untuk memberi impak positif dalam kehidupan mereka yang memerlukan, terutamanya semasa bulan suci ini untuk renungan dan belas kasihan. Kami menghargai sokongan yang diberikan oleh FITRAH dalam membantu kami membantu menyumbang kepada pelajar yang memerlukannya dan memastikan beberapa keluarga di Kampong Ayer turut mendapat bantuan," kata Pengasas Bersama dan Ketua Pegawai Kewangan GoMamam, Awang Hadi bin Haji Adanan.

Turut menyertai inisiatif tersebut, Ketua Pegawai Operasi GoMamam, Amin Rambli juga berkata, "Meningkatkan kesedaran tentang

golongan berkeperluan khas dalam masyarakat adalah sebahagian daripada tanggungjawab sosial kita sebagai rakyat Brunei, untuk bukan sahaja mengetahui bahawa terdapat pelbagai bentuk bantuan yang boleh kami berikan kepada kanak-kanak di Brunei dengan berkeperluan khas, tetapi juga untuk meningkatkan keterangkuman mereka dan kebolehcapaian yang lebih baik dalam persekolahan di Brunei Darussalam."

Inisiatif tersebut jelas menggariskan dedikasi berterusan GoMamam terhadap tanggungjawab sosial korporat dan memupuk masyarakat inklusif. Melalui perkongsian bermakna dan sokongan yang disasarkan, GoMamam akan terus menerapkan nilai terasnya iaitu empati, belas kasihan dan tanggungjawab sosial.



Kesihatan teras kehidupan berkualiti

Oleh : Hezlinawati Haji Abdul Karim
Foto : Jabatan Penerangan

SESEBUAH negara memerlukan rakyat dan penduduk yang sihat untuk menjadi sumber tenaga manusia yang lebih berdaya tahan dan produktif. Warga yang bertanggungjawab ke atas kesihatan mereka dan juga kesihatan sekelilingnya mencerminkan masa depan negara yang lebih positif. Dengan adanya rakyat yang sihat, generasi akan datang akan lebih produktif dan mampu menjana pertumbuhan sosioekonomi negara yang mampan.

Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam melalui Kementerian Kesihatan sentiasa berusaha mengukuhkan kualiti perkhidmatan penjagaan kesihatan kepada orang awam demi peningkatan kualiti hidup rakyat sepertimana matlamat Wawasan Brunei 2035. Selaku rakyat dan penduduk di Negara Brunei Darussalam (NBD) ini, kita hendaklah bersyukur kerana dapat menikmati hidup yang aman dan tenteram

dengan penyediaan infrastruktur dan perkhidmatan kesihatan yang berkualiti tinggi melalui pelaburan yang besar oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dalam sektor kesihatan.

Sementara itu, Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-20, Majlis Mesyuarat Negara (MMN) yang diadakan baru-baru ini juga telah meluluskan sejumlah peruntukan BND573,064,540 bagi Kementerian Kesihatan. Ketika menyampaikan ucapan mukadimah, Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohammad Isham bin Haji Jaafar menyatakan belanjawan yang disokong bagi Tahun Kewangan 2024 / 2025 merupakan peningkatan sebanyak 37 peratus dari jumlah belanjawan yang diluluskan pada tahun kewangan sebelumnya dan peningkatan ini adalah disebabkan oleh antara lainnya, tambahan bilangan doktor, jururawat dan Profesional Kesihatan Bersekutu (Allied Health Professionals); penyelenggaraan dan pembaikan aset; bekalan bahan perubatan dan guna habis; sewa dan pajakan; dan

pembangunan sumber tenaga manusia.

Namun, peningkatan yang paling signifikan ialah pemindahan peruntukan bagi rawatan pesakit di Gleneagles JPMC dan Pusat Pakar Pantai Jerudong (Pantai Jerudong Specialist Centre - PJSC) sejumlah BND150 juta dari peruntukan Kementerian Kewangan dan Ekonomi ke Kementerian Kesihatan iaitu 35.9 peratus berbanding peruntukan Tahun Kewangan 2023 / 2024.

Hari Kesihatan Sedunia

Seperti mana negara-negara lain, NBD juga meraikan Sambutan Hari Kesihatan Sedunia setiap 7 haribulan April. Sambutan pada tahun ini telah memilih tema 'Kesihatan Saya, Hak Saya'. Tema tahun ini dipilih untuk memperjuangkan hak semua orang untuk mendapat akses kepada perkhidmatan kesihatan, pendidikan, dan maklumat yang berkualiti, serta air minuman yang selamat, udara bersih, pemakanan yang baik, perumahan berkualiti, keadaan kerja dan persekitaran yang baik, dan kebebasan daripada diskriminasi.

Memiliki tubuh badan dan mental yang sihat merupakan salah satu nikmat yang dianugerahkan oleh Allah Subhanahu Wata'ala yang amat berharga kepada setiap manusia. Tanggungjawab dan peranan dalam meningkatkan kesedaran awam tentang pentingnya menjaga kesihatan terpikul dibahu semua pihak. Bagaimanapun, Kementerian Kesihatan akan terus komited berusaha memberikan tahap perkhidmatan yang terbaik ke arah memenuhi ekspektasi pelanggan selaras dengan perkembangan sosial dan ekonomi rakyat dan penduduk di negara ini.

Semoga dengan adanya kesedaran kita terhadap nikmat yang telah diberikan ini, kita akan dapat sama-sama melaksanakan tanggungjawab sebagai rakyat yang sentiasa mengamalkan gaya hidup sihat, mengikut saranan dan nasihat daripada pakar-pakar kesihatan dan yang paling penting bersandarkan kepada sunah Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam seperti mana hadis Baginda : *"Sesungguhnya kamu mempunyai tanggungjawab untuk menunaikan hak terhadap tubuh badan kamu"*. (Hadis riwayat Al-Bukhari).





Dendeng Sinda Awangku Md. Darwisy jadi pilihan

Oleh : Pg. Vivy Malessa Pg. Ibrahim

Foto : Ihsan Awangku Md. Darwisy Syarifuddin

HANYA tinggal beberapa hari sahaja lagi kita akan menyambut kedatangan bulan Syawal setelah sebulan berpuasa dari menahan diri daripada makan dan minum serta daripada melakukan perkara-perkara yang membatalkan puasa. Kehadiran Syawal juga sudah setentunya pelbagai jenis juadah akan turut terhidang di Hari Raya. Salah satunya adalah Dendeng Daging.

Dendeng daging ini boleh dinikmati dengan nasi dan Nasi Impit. Dendeng Daging adalah masakan daging yang dihiris nipis dan digaul bersama cili, rempah dan bahan-bahan lain. Ia seterusnya dikeringkan melalui proses menggoreng dan ditumbuk dengan menggunakan lesung batu. Hidangan Dendeng Daging ini juga begitu *popular* di negara jiran.

Sehubungan dengan Dendeng Daging ini juga, kita berkesempatan menemu bual bersama Awangku Md. Darwisy Syarifuddin bin Pengiran Sallehuddin, seorang pelajar keusahawanan Universiti Brunei Darussalam yang mengusaha Dendeng Sinda.

Menurut Awangku Md. Darwisy, purata pengeluaran Dendeng Sinda yang

dibuat dalam setiap bulan mencapai lebih 500 *container* dan ia laris dijual. Daging Dendeng ini adalah makanan yang selalu beliau dan keluarga makan sejak dari kecil lagi dan menjadi salah satu makanan tradisi bagi keluarga mereka.

Dendeng Sinda

Mengusaha dendeng ini tercetus dari nenek Awangku Md. Darwisy yang merupakan bekas tukang masak dan juga pernah berniaga secara kecil-kecilan.

Jelasnya, ketika pandemik COVID-19 melanda, apabila nenek beliau berehat dari memasak, nenek beliau mula memberikan resepi dan mengajarkan cara memasak dendeng tersebut kepada beliau dan keluarganya.

Setelah mempelajari cara memasak dan berjaya membuat dendeng berkenaan, beliau ada memberikan dendeng buatannya kepada rakan-rakan dan beberapa orang individu. Sebaik mendapat respon yang baik dari mereka dan amat menyukai dendeng buatannya itu maka tercetusnya permulaan dalam mengusaha Dendeng Sinda yang dijual BND10 setiap *container*.

Sebagai menambah lagi hasil pendapatan dan mengembangkan perusahaannya, beliau turut menjual Nasi Daging Dendeng berharga BND1.50 sebungkus.

Terangnya, anggaran sebulan Nasi Daging Dendeng dijual dalam sekitar 3,000 bungkus di gerai makan di No.4 Jalan Durian, Kampung Jaya Bakti Perpindahan Berakas.

Pengalaman dan cabaran

Selain itu, beliau juga sering menyertai *pop-up sale* pada bulan Ramadan iaitu di Big BWN Project Sahur Saturday di Kontena Park pada bulan lepas dan di BIBD Ramadhan Eco-Bazaar di Taman Mahkota Jubli Emas tertakluk pada tarikh-tarikh tertentu sepanjang bulan Ramadan.

Dalam pada itu, Awangku Md. Darwisy juga menjelaskan, kebanyakan aktiviti-aktiviti keusahawanan adalah daripada aktiviti Universiti Brunei Darussalam namun selebihnya adalah pembelajaran daripada pekerjaan-pekerjaan sampingan sebelum ini.

Menurut beliau pula, menyentuh mengenai cabaran sepanjang mengusaha dendeng berkenaan, modal adalah di antara cabaran bagi ramai orang, namun dengan perancangan kewangan yang baik, modal bukanlah menjadi masalah.

Beliau menjelaskan, semasa memulakan perniagaan tersebut dari skala kecil dan perlahan-lahan mengembang dari semasa ke semasa.

"Keluarga adalah pendorong utama dalam mengusaha Dendeng Sinda ini kerana sebagai seorang anak sulung, memang terdapat rasa tanggungjawab untuk menyara keluarga," ujarnya.

Perancangan masa depan

Mengenai perancangan masa depan pula, insyaaAllah Awangku Md. Darwisy akan mengembangkan lagi perusahaan ini dengan menambah baik setiap kekurangan pada masa sekarang, di antaranya adalah untuk mempunyai *central kitchen* sendiri untuk menghasilkan lebih banyak stok bagi Daging Dendeng Sinda.

"Prinsip yang positif untuk perkembangan belia-belia yang akan memimpin negara suatu masa nanti dan memulakan perniagaan juga adalah salah satu langkah yang penting, kita tidak boleh leka dengan perkara-perkara yang kurang berfaedah dan harus fokus dan tahu akan matlamat hidup kita. Hidup adalah risiko namun kita yang memilih risiko apa yang kita sanggup ambil," terangnya, mengakhiri temu bual bersama penulis.



Pada 2024, PBB berkata 18.6 juta orang memerlukan bantuan kemanusiaan di seluruh negara.
- ©BERNAMA



TERAPKAN DISIPLIN, KOMITMEN KE ARAH MENCAPAI KECEMERLANGAN



PRESIDEN Persatuan Bola Sepak Brunei Darussalam (FABD) semasa bergambar ramai pada Majlis Penghargaan FABD FIFA SERIES 2024 (kiri). Sementara gambar kanan, Presiden FABD menyampaikan sumbangan derma kepada anak-anak yatim.

RIMBA, Ahad, 7 April. - Dua elemen iaitu disiplin dan komitmen merupakan dua perkara penting yang mesti diterapkan kepada semua pihak termasuk para pemain, jurulatih dan juga pihak pengurusan.

Disiplin dan komitmen sepenuhnya merupakan nadi penting dalam melahirkan pasukan yang benar-benar berkesan kerana kehebatan permainan dalam padang yang dimiliki belum mencukupi untuk menjadikan pasukan kita cemerlang tanpa dipraktikkan dua aspek penting itu.

Presiden Persatuan Bola Sepak Brunei Darussalam (FABD), Awang Haji Feisal bin Haji Mohd. Eusoff menekankan demikian semasa berucap pada Majlis Penghargaan FABD FIFA SERIES 2024 di sebuah restoran di Rimba, disini.

Menurut Awang Haji Feisal, elemen 5 'S' iaitu 'Strength', 'Speed', 'Stamina', 'Skill' dan 'Smart' serta ditambah elemen Suara wajar diserapkan dalam perlawanan ke arah memantapkan lagi mutu permainan dan prestasi dalam pasukan.

Tambahnya, meskipun kalah kepada pasukan Bermuda namun keazaman, semangat dan komitmen yang tinggi semua pemain telah membuahkan hasil kemenangan ke atas pasukan Vanuatu.

"Saya gembira melihat perlawanan yang amat merangsangkan yang telah ditunjukkan dan memberi gambaran pasukan bola sepak kitani mampu pergi lebih jauh.

"Kemenangan ini boleh menjadi titik tolak bermulanya perjalanan pasukan kebangsaan kita untuk melangkah kepada kejayaan yang lebih besar lagi jika kita semua meneruskan usaha yang gigih, bersungguh-sungguh untuk melihat kecemerlangan pasukan Negara Brunei Darussalam di persada serantau dan antarabangsa," tegasnya.

Kejayaan itu juga, katanya, boleh memecahkan stigma pemikiran segelintir masyarakat kitani yang menganggap pasukan kita mungkin tidak akan berjaya memenangi perlawanan-perlawanan peringkat serantau apalagi di peringkat

antarabangsa.

"Ternyata anggapan itu adalah salah kerana abiskita telah membuktikan bahawa pasukan bola sepak kita juga akan mampu menang dan layak meraih kejayaan, Syabas. "Bagaimanapun, kita jangan mengambil mudah dengan kejayaan ini tetapi perlu terus bekerja keras tanpa penat untuk mencapai impian yang diidamkan," ujar Presiden FABD lagi.

Beliau seterusnya mengingatkan terutama sekali kepada para pemain untuk sentiasa mempertingkatkan kemahiran dengan melakukan latihan-latihan tambahan sama ada secara individu mahupun pasukan dan jangan berhenti untuk berusaha dan membina daya keyakinan secara berterusan.

Terdahulu, beliau melahirkan rasa gembira kerana ada beberapa syarikat yang tampil untuk menyokong dan mendukung kemajuan FABD di mana hasil-hasil usaha bersama itu juga akan disalurkan kepada FABD bagi semata-mata berganding bahu untuk kemajuan bola sepak negara Brunei Darussalam.

Sehubungan itu, tambahanya, sokongan dari pihak Syarikat Hitune juga wajar dijadikan contoh kepada syarikat-syarikat swasta, NGO dan pertubuhan-pertubuhan yang lain untuk tampil ke hadapan bagi sama-sama membina kejutan sebuah persatuan khususnya FABD agar ia akan tetap mantap dan seterusnya mampu menghasilkan kejayaan yang lebih cemerlang pada masa akan datang.

Usaha-usaha membentuk satu pasukan yang jitu tidak akan tercapai jika pemain-pemain tidak memberi tumpuan atau fokus kepada latihan sepenuhnya apalagi semasa dalam perlawanan.

"Saya percaya pihak-pihak pengendali pasukan-pasukan bola sepak kebangsaan dalam semua peringkat usia termasuk peringkat akar umbi akan memberi tumpuan kepada membina disiplin dan komitmen semua pemain,"ujarnya lagi.

Majlis anjuran FABD dengan sokongan

Kumpulan Syarikat Hitune Brunei itu bagi meraikan prestasi membanggakan pasukan bola sepak kebangsaan yang beraksi dalam perlawanan antarabangsa FIFA SERIES 2024 yang berlangsung di Jeddah, Arab Saudi pada 22 hingga 26 Mac lalu.

Majlis diselenggarakan dengan penyampaian penghargaan kepada para pemain serta diteruskan dengan sumbangan derma kepada anak-anak yatim.

Juga hadir, Timbalan Presiden FABD, Awang Haji Mahrub bin Haji Murni; Pengarah Urusan Syarikat kumpulan Hitune, Pengiran Zamri bin Pengiran Haji Bujang serta Pemangku Setiausaha Agung FABD,

Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi
Foto : Mohamad Azmi Awang Damit

Awang Haji Matali Haji Md. Tahir.

Pasukan negara yang diletakkan dalam kumpulan B tewas pada perlawanan pertama kepada pasukan Bermuda dengan keputusan 0-2 namun berhasil mencatatkan kemenangan bersejarah kepada pasukan Vanuatu dengan jaringan 3-2.

Kemenangan julung kali di pentas antarabangsa itu dilihat sebagai penyuntik semangat kebangkitan pasukan bola sepak kebangsaan untuk melangkah lebih jauh lagi di masa akan datang.

Tugas jurulatih cabaran berbeza buat Mohamad Sukri

KUALA LUMPUR, 7 April - Pertukaran daripada seorang pemain kepada jurulatih disifatkan sebagai suatu cabaran berbeza oleh bekas pemain hoki negara Mohamad Sukri Abdul Mutalib yang dilantik sebagai penolong jurulatih skuad Speedy Tigers bulan lepas.

Beliau berkata tugas sebagai jurulatih lebih menguji dari segi mental dalam usaha membentuk pasukan hoki lelaki kebangsaan.

Justeru beliau akan menagih ilmu daripada ketua jurulatih Sarjit Singh yang berpengalaman dan seorang lagi pembantu jurulatih Azrul Effendy Bistamam untuk membantunya menggalas tanggungjawab baharu itu.

"Masing-masing ada cabaran. Cuma di sini bila saya menjadi jurulatih perbezaan melibatkan mental walaupun fizikal juga ada penatnya berbanding pemain lebih penat fizikal.

"Selain melatih, kena juga buat kerja-kerja pengurusan, merangka pelan dan perlu berfikir di luar kotak untuk membentuk pasukan bagus," katanya dalam kenyataan Konfederasi Hoki Malaysia (KHM) hari ini.

Walaupun memiliki pengalaman luas sebagai pemain namun beliau berkata masih perlu 'berguru' dengan jurulatih berpengalaman agar dapat menimba ilmu baharu dan melihat dari sudut berbeza, selain merasakan dirinya memerlukan sekurang-kurangnya 10 tahun untuk menjadi jurulatih yang bagus.

12 Mac lepas, Mohamad Sukri dilantik sebagai penolong jurulatih bersama Azrul Effendy manakala jurulatih penjaga gol dibantu S. Kumar dan diketuai Sarjit untuk mengendalikan skuad negara yang akan berdepan cabaran pertama mereka iaitu Piala Sultan Azlan Shah di Ipoh pada 4-11 Mei ini. - ©BERNAMA